LAMPIRAN 1

PERIBAHASA

Kata Akar

Penggunaan kata akar dalam peribahasa Melayu ialah;

1. Kalau pandai mencencang akar, mati lalu ke pucuknya.

- Orang yang pandai dapat mengalahkan musuhnya dengan sekali pukul sahaja.

2. Kuat akar kerana tunjang, kuat tunjang kerana akar.

- Kelebihan seseorang itu kerana suka muafakat satu sama lain.

3. Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah.

- Kekuatan sebuah kerajaan kerana orang-orang besarnya, kekuatan orang-orang besar kerana rakyatnya yang bersatu padu.

4. Tiada rotan, akar pun berguna (=jadi)

- Kalau tiada yang baik, maka yang kurang baik pun boleh juga.

5. Bergantung pada akar lapuk.

- Berharapan kepada orang yang tak kuasa

6. Akar terjumbai tempat siamang berpegang (bergantung), dahan menganjur tempat tupai menegun.

- Daripada keterangan, orang dapat mengetahui salah atau benarnya perbuatan seseorang.

[1]KATA BATANG

Berikut adalah kata batang yang terdapat dalam peribahasa Melayu;

1. Ada batang, cendawan tumbuh.

- Tiap-tiap negeri ada undang-undang dan adat resamnya masing-masing.

2. Ada batang mati, adalah cendawan tumbuh.

- Di mana juga kita tinggal, akan ada rezeki kita.

3. Angkat batang, keluar cacing gelang-gelang.

- Berpenat-penat mengerjakan pekerjaan orang yang tinggal terbengkalai, tetapi suatu faedah pun tidak diperoleh daripadanya.

4. Batang jangan dibongkar-bongkar, takut cacing di bawahnya berlingkar; lain rotan lain akar, walaupun sama boleh dibuat lekar.

- (Nasib) tiap-tiap orang serupa saja, cuma darjat dan kedudukannya sahaja yang berlainan.

5. Di mana (batang terguling), di situ cendawan tumbuh.

- Di mana timbul perkara di situlah diselesaikan.

6. Jika berpuluh-puluh kali (batang beralih) (bertindih), cacing di bawah juga.

---

[1] Daripada 6 data di atas, 2 daripadanya menggambarkan keadaan fizikal akar, iaitu aker lapuk dan akar terjumbai. Akar lapuk ialah akar yang usang atau reput sementara akar terjumbai ialah akar yang berjurai-jurai. Di sini, akar ialah superordinat manakala akar lapuk dan akar terjumbai ialah subordinat.

- Walaupun orang besar-besar silih berganti datang dan perginya, namun rakyat tetap seperti itu juga.

7. Membangkit-bangkit batang terendam.

- Mengadakan sesuatu yang lama hilang (seperti mengangkat penghulu, ketua dan sebagainya, yang sudah lama tidak ada).

8. Menggolek batang terguling.

- Mengerjakan pekerjaan yang mudah.

9. Sepuluh batang bertindih, yang di bawah juga yang luluh (=terhimpit).

- Biarpun banyak menerima pertolongan orang pada waktu peralatan perkahwinan tetapi yang menanggung kerugian ialah orang yang mengadakannya.

10. Sungguhpun batang merdeka, ingat pucuk akan terempas.

- Sesuatu pekerjaan hendaklah dikaji dengan masak-masak dari mula sampai ke akhirnya supaya selamat dan sempurna.

11. Tidak dapat melangkah batang, menyusup ke bawahnya lepas jugalah.

- Dengan muslihat, orang yang kuat dapat dialahkan.

12. Terkena pada ikan bersorak, terkena pada batang, masam.

- Ketika untung bersuka ria, waktu rugi marah-marah.

KATA BENIH

Berikut adalah kata benih dalam peribahasa Melayu;

1. Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.

- Yang baik itu biar di mana pun tempatnya akan tetap baik juga.

2. Menabur benih di tanah yang subur.

- Berbuat baik kepada orang yang tahu berterima kasih

3. Seperti benih baik di tanah yang subur.

- Berbuat baik pada orang yang tahu membalasnya.

KATA BUAH

Berikut adalah kata buah dalam peribahasa Melayu;

1. Buah masak merah belum tentu manis rasanya.

- Orang yang elok rupanya itu belum tentu perangainya baik.

2. Buah masak[2] tergantung tinggi; akan dijolok penggalah singkat, akan ditingkat batasnya licin.

- Tiada berdaya untuk mencapai (mengerjakan) sesuatu cita-cita yang tinggi atau pekerjaan yang sulit.

---

[2] 1. buah masak - sudah tua, boleh dimakan
2. buah manis - rasa seperti gula, boleh dimakan
3. buah masak lum - ranum, boleh dimakan

3. Buah yang manis berulat di dalamnya.

- Perkataan yang manis-manis mengandungi maksud yang buruk.

4. Di mana buah masak, di situ burung banyak tampil.

- Di mana banyak kesenangan, di situ pula banyak orang datang.

5. Gundahkan buah dimakan burung.

- Bersusah hati terhadap wanita yang sudah menjadi isteri orang.

6. Laksana buah masak lum, dihinggut perdu luruh sendiri.

- Orang tua yang sudah uzur sewaktu-waktu mungkin mendapat sakit berat.

7. Sebab buah dikenal pohonnya.

- Daripada kelakuan (perkataan) dapat dikenal asal usulnya.

8. Daunlah melayang, buah jatuh ke perdu juga.

- Tiada sama kasih kepada anak sendiri dengan kasih pada anak saudara.

9. Daunnya jatuh melayang, buahnya jatuh ke pangkal juga.

- i) Orang yang tiada berbudi pekerti jika banyak pengetahuannya sekalipun akan ketahuan juga.

- ii) Yang berguna tinggal, yang tidak berguna terbuang.

KATA BUNGA

Berikut adalah kata bunga dalam peribahasa Melayu;

1. Apa guna bunga ditanam, jika tidak diberi kumbang menyerinya.

- Apa guna anak perempuan, jika tidak diberi suami

2. Bunga dipetik, perdu ditendang.

- Seseorang yang gemar akan hak seseorang tetapi benci kepada tuannya.

3. Bunga dipersunting akhirnya akan layu.

- Sesuatu yang dipakai itu akan buruk kesudahannya

4. Bunga kembang menanti layu.

- Kecantikan dan keelokan seseorang perempuan tiada kekal.

5. Bunga kembang berbalik kuncup.

- Seseorang yang mulanya menurut kehendak kita tetapi kemudiannya ia ingkar

6. Bunga gugur putik pun gugur.

- Tiap-tiap yang hidup akan mati dengan tidak memandang umur

7. Bunga layu kembang semula.

- Orang tua yang bersolek seperti orang muda

8. Bunga tengah kembang di taman, baunya merebak ke mana-mana.

- Kecantikan seorang gadis yang telah gah ke mana-mana

9. Bunga yang harum itu ada juga durinya.

- Tak ada yang tiada cacatnya

10. Bunga yang layu balik kembang.

- Orang tua yang bersolek seperti orang muda

11. Bunga yang layu tidak diseri oleh kumbang.

- Perawan tua tidak dipinang orang

12. Bunganya dipersunting, pangkalnya diberaki.

- Seseorang yang gemar akar hak seseorang, tetapi benci kepada tuannya

13. Di mana bunga kembang, di situ kumbang banyak.

- Di mana ada gadis, di situ ada anak-anak muda

14. Ibarat bunga; sedap dipakai layu dibuang.

- Perempuan yang dikasihi sementara muda tetapi setelah tua lalu diceraikan

15. Jangan memberi bunga kepada monyet.

- Memberi sesuatu yang baik hendaklah pada tempatnya

16. Jauh bau bunga, dekat bau tahi.

- Sanak saudara bila jauh selalu terkenang tetapi bila dekat selalu bertengkar

17. Kalau bunga bukan (=tidak) sekuntum.

- Lelaki ataupun perempuan bukan seorang di atas dunia ini.

18. Kalau dicampak bunga takkan dibalas tahi.

- Biasanya sesuatu pertolongan kepada seseorang itu jarang akan dibalas dengan kajahatan

19. Laksana kasihkan bunga[3] seceper, terbuang bunga sekaki.

---

[3] Terdapat 9 gambaran keadaan dan fizikal kata bunga dalam peribahasa di atas dan takrifnnya menurut Kamus Dewan;

1. bunga kembang - mekar terbuka
2. bunga gugur - jatuh atau luruh
3. bunga layu - bunga kecut atau kering
4. bunga tengah kembang - sedang mekar terbuka (proses)
5. bunga tengah harum - wangi baunya
6. bunga yang layu - bunga kering atau kecut
7. bunga seceper, bunga sekaki - bunga sedulang; sebatang atau setangkai

- Terlalu menghiraukan yang banyak, yang sedikit hilang di tangan

20. Lempar bunga dibalas lempar tahi

- Kebaikan dibalas dengan kejahatan

21. Membuang bunga ke jirat.

- Berbuat baik bukan pada tempatnya; membuang tenaga dengan sia-sia

22. Menabur bunga di atas kubur.

- s.d.a

23. Sayang bunga layu di pohon.

- Gadis yang tidak bersuami sampai tua

24. Sebab kasih akan bunga setangkai, dibuang bunga seceper.

- Kerana sayang pada seorang sahaja, disia-siakan keluarga yang banyak

25. Sudah dapat gubah dikarang, bunga sekaki dicampak buang.

- Kerana sudah mendapat yang baik, yang lama atau yang kurang baik dibuang

26. Umpama bunga, sedap dipakai, layu dibuang.

- Kasih sayang sementara disukai, sudah bosan lalu dibuang

---

8. bunga setangkai - satu bunga atau sebatang bunga

9. berbunga - mempunyai bunga

KATA DAHAN

Kata dahan dalam peribahasa Melayu adalah seperti berikut;

1. Dahan pembaji batang

- Menggunakan harta benda tuannya

2. Akar terjumbai tempat siamang berpegang, dahan menganjur [4] tempat tupai menegun.

- Daripada keterangan, orang dapat mengetahui salah atau benarnya perbuatan seseorang.

KATA DAUN

Kata daun dalam peribahasa Melayu adalah seperti berikut;

1. Daun dapat dilayangkan, getah jatuh ke perdu juga.

- Tiada sama kasih kepada anak sendiri dengan kasih kepada anak saudara

2. Daun lah melayang, buah jatuh ke perdu juga.

- s.d.a.

3. Daun mengenalkan pohonnya.

- Daripada kelakuan (perkataan) dapat dikenal asal usulnya

4. Daunnya jatuh melayang, buahnya jatuh ke pangkal juga

---

[4] Dahan menganjur - dahan yang menjulur dari bahagian utama

- i. Orang yang tiada berbudi pekerti jika banyak pengetahuannya sekalipun, akan ketahuan juga.
- ii. Yang berguna tinggal yang tidak berguna terbuang

5. Seperti daun kering ditiup angin di tengah padang.

- Hidup melarat, terkatung-katung ke sana ke mari

KATA RANTING

Berikut adalah kata ranting dalam peribahasa Melayu;

1. Di mana ranting dipatah, di situ air disauk.

- Hendaklah menurut adat dan aturan tempat yang kita diam

2. Ingat ranting yang akan melenting, dahan yang mencocok, duri yang akan mengait.

- Hendaklah selalu beringat tentang segala bahaya dan rintangan ketika melakukan sesuatu pekerjaan.

KATA RUAS

Berikut adalah kata ruas dalam peribahasa Melayu;

1. Bertemu ruas dengan buku

- Sesuai seimbang; lelaki perempuan yang memang jodohnya.

2. Terentak ruas ke buku

- Hilang akal, tidak ada daya upaya lagi

3. Tinggi terbawa oleh ruasnya

- Orang yang tubuhnya saja besar, tetapi masih bodoh

4. Macam betung seruas

- Terlalu jujur; lurus hati

KATA PUCUK

Berikut adalah kata pucuk dalam peribahasa Melayu;

1. Hendak ulam, pucuk menjulai [5]

- Yang diperoleh lebih daripada yang dikehendaki.

2. Lebih pucuk, lebih pelepah ?

- Mana lebih baik kawan lama dengan kawan baru ? (satu kiasan)

3. Pucuk dicita ulam mendatang

- Yang diperoleh lebih daripada yang dikehendaki.

4. Pucuk layu disiram (=ditimpa) hujan

- Setelah menderita barulah mendapat kesenangan.

5. Sedangkan pucuk lagi tak merah, konon pula selaranya.

- Waktu lagi kaya tidak pernah berderma, apalagi waktu miskin.

selara = bulu halus-halus seperti miang pada tumbuh-tumbuhan.

---

[5] pucuk menjulai - keadaan pucuk yang berjuntai/menjulur ke bawah
pucuk layu - keadaan pucuk yang kering dan kecut.

6. Seperti pucuk dengan pelepah

- Sama darjatnya.

7. Takkan lebih pucuk daripada pelepah rapat ke batang.

- Perkataan orang besar-besar lebih dipercayai oleh orang atasan daripada perkataan rakyat biasa.

8. Umpama pucuk dan umbut, tiada lauk baru dibaham

- Kalau tak ada yang baik yang kurang baik pun dipakai juga.

KATA UMBUT

Berikut adalah kata umbut dalam peribahasa Melayu;

1. Cari umbut kena buku

- Mencari yang baik, mendapat yang buruk

2. Mencari umbut dalam batu

- Pekerjaan yang sukar dan sia-sia

KATA ARA

Berikut adalah kata ara dalam peribahasa Melayu;

1. Ara tak bergetah

- Suatu perkara yang mustahil

2. Bagai ara hanyut

- Tidak terus berjalan ke tempat tujuan, tetapi singgah di jalan

3. Bagai menanti ara hanyut

- Mengharapkan sesuatu yang belum tentu

4. Menantikan ara tak bergetah

- Mengharapkan sesuatu yang tak mungkin

5. Pinjam kayu ara

- Meminjamkan wang kepada orang besar, akhirnya rugi percuma (kayu ara semboyan kebesaran)

6. Tinggi kayu ara dilangkahi, rendah bilang-bilang diseluduki

- Melakukan atau mengerjakan sesuatu hendaklah menurut keadaan yang wajar, meskipun kadang-kadang ganjil pada perasaan.

7. Utang (hutang) (=pinjam) kayu ara

- Hutang yang tak mungkin terbayar

6

KATA ASAM

Berikut adalah kata asam dalam peribahasa Melayu;-

1. Asam di darat ikan di laut, bertemu dalam belanga juga.

- Perempuan dan lelaki, kalau sudah jodoh, bertemu akhirnya

2. Bagai melihat asam

- Ingin sekali

---

6 Daripada 7 data di atas, 2 daripadanya memerihalkan keadaan kata ara iaitu 'ara hanyut', manakala data yang selebihnya menunjukkan penggunaan kata ara secara umum dan kata ara secara spesifik iaitu 'kayu ara'. Kata 'ara hanyut' bermaksud ara yang dibawa mengalir oleh air.

3. Garam di laut, asam di gunung, bertemu dalam belanga

- lihat 1.

4. Sebagai asam dengan garam

- Sepadan benar; akan bertemu juga akhirnya, (tentang lelaki dan perempuan yang memang jodoh)

5. Sudah seasam[7] segaramnya

- Sudah tidak ada cacat celanya lagi (pekerjaan atau perbuatan yang sempurna)

KATA AUR

Berikut adalah kata aur/ buluh/ bambu/ betung dan rebung dalam peribahasa Melayu;

1. Aur ditanam betung tumbuh

- Mendapat laba banyak dengan modal yang sedikit

2. Bagai aur bergantung ke tebing, bagai tebing bergantung ke aur

- Satu sama lain bertolong-tolongan

3. Bagai aur di atas bukit

- Menyerahkan diri kepada nasib

---

[7] Terdapat 1 data yang merujuk kepada keadaan iaitu 'seasam'. Kata asam menerima imbuhan awalan 'se' yang bermaksud sama atau serupa.

4. Sebagai aur dengan tebing

- Suami isteri yang sangat berkasih-kasihan; persahabatan yang sangat karib

5. Bagai aur ditarik songsang

- Pekerjaan atau perkara yang sukar diselesaikan kerana sudah salah jalan

6. Seperti pohon bambu(=buluh) ditiup angin

- Sanggup menderita kesusahan dengan sabar dan apabila kesusahan telah berlalu, menegakkan kepalanya semula

7. Berteduh di bawah betung

- Mendapat pertolongan yang tidak memadai

8. Betung bulat tak bersegi, pipit jantan tak bersarang

- Anak bujang atau anak dagang yang bebas berjalan ke mana-mana saja.

9. Betung ditanam aur yang tumbuh

- Mengharapkan untung kiranya mendapat rugi

10. Macam betung seruas

- Terlalu jujur, lurus hati

11. Memijakkan betung sebelah/ bagai membelah betung

- Pendirian yang berat sebelah

12. Berniaga buluh kasap, hujung hilang pangkal lesap

- Membuat pekerjaan yang sia-sia

13. Menebas buluh serumpun (=seperdu)

- Merosakkan nama kaum keluarga

14. Menggerutus macam buluh diperun(=dibakar)

- Berkata-kata dengan cepat

15. Seperti buluh perindu ditiup angin tatkala dinihari

- Suara yang sangat merdu

16. Seperti pohon bambu (=buluh) ditiup angin

- Sanggup menderita kesusahan dengan sabar dan apabila kesusahan telah berlalu, menegakkan kepalanya semula.

17. Melentur biarlah waktu rebung

- Mengajar anak-anak biarlah selagi kecil, apabila besar, keras hatinya dan tidak dapat diajar lagi

18. Rebung tidak miang, benbam pula miang

- Orang yang bersangkutan berdiam diri, sedang orang luar ikut campur

19. Rebung tidak jauh dari rumpun

- Tabiat anak tak jauh berbeza dengan orang tuanya

20. Sedang rebung baik dipatah, jadi buluh melepuh jari

- Masih kecillah diajar dan dididik, jangan tunggu sampai sudah besar

21. Masa lagi rebunglah hendak dilentur, jangan dinantikan sampai menjadi aur

- Lihat 20

Daripada 21 data di atas, terdapat 6 data yang menunjukkan keadaan fizikal. 3 daripadanya kata betung, 1 buluh kasap, 1 buluh serumpun dan 1 rebung tak miang. Di bawah ialah makna ringkas keadaan fizikal kata-kata ini;

KATA BACANG

Berikut adalah kata bacang dalam peribahasa Melayu;

1. Bacang dibungkus tentu baunya keluar juga

- Menyimpan rahsia yang telah diketahui umum.

2. Buah macang dimakan kelarah, di luar baik busuk di dalam

- Orang perempuan yang sudah rosak, hanya di luar saja yang kelihatan baik

3. Busuk, busuk embacang

- Kelihatan bodoh, sebenarnya pandai

4. Embacang buruk kulit

- Kelihatan tidak baik tetapi sebenarnya baik sekali.

KATA BALAK

Kata balak dalam peribahasa Melayu adalah seperti yang berikut;

1. Bagai balak terendam

- Orang gemuk yang malas bergerak

---

betung bulat - keadaan buluh yang tidak bersegi

betung seruas - bahagian antara buku dengan buku buluh yang besar

betung sebelah - sebahagian buluh besar

buluh kasap - buluh yang kesat; tidak licin

buluh serumpun - buluh seperdu

rebung tak miang - anak buluh yang tidak gatal

2. Jika tak kena-kena membangkit balak terendam di lumpur, makin dalam ia terendam

- Jika tak pandai menyuruh orang malas bekerja, maka makin rosaklah pekerjaan itu.

KATA BANIR

Berikut adalah kata banir dalam peribahasa Melayu;

1. Bertiraikan banir

- Tidak mempunyai rumah tempat tinggal

2. Tinggi banir tempat berlindung

- Tabiat yang aneh atau keganjilan seseorang itu ada faedahnya

KATA BERINGIN

Berikut adalah kata beringin dalam peribahasa Melayu;

1. Pada sangka pohon beringin, kiranya tersandar di punggur lapuk

- Pada sangka beristeri (bersuami) orang kaya, kiranya beristeri (bersuamikan) orang miskin.

2. Seperti pohon beringin ditiup angin

- Menentang kekerasan orang tanpa berlemah lembut

KATA BIJI

Berikut adalah kata biji [9] dalam peribahasa Melayu;

1. Menabur (=menanam) biji di atas batu

- Berbudi kepada orang yang tidak tahu membalas guna; memberi nasihat kepada orang yang tak mahu mengendahkannya

2. Tertanam di biji hampa

- Usaha yang sia-sia

KATA BIRAH

Berikut adalah kata birah dalam peribahasa Melayu;

1. Bertemu birah dengan keladi

- Bertemu lelaki dan perempuan yang sama jahatnya

2. Seperti birah dengan keladi

- Tidak ada bezanya; hampir sama saja.

3. Seperti birah tidak berurat

- Orang yang pemalas, di mana duduk di situ berbaring

4. Seperti birah tumbuh di tepi lesung

- Anak-anak yang lekas subur

---

[9] Daripada data di atas, terdapat satu data yang merujuk kepada keadaan fizikal kata biji iaitu biji hampa. Frasa biji hampa bermaksud biji yang kosong, tidak berisi.

KATA CABAI

Berikut adalah kata cabai/cili dan lada dalam peribahasa Melayu;

1. Kecil-kecil cabai rawit/ kecil-kecil cili Melaka

- Meskipun kecil tetapi berani

2. Mendapat cabai rawit

- Mendapat celaan keras

3. Siapa makan cabai (=lada) ialah berasa pedas (=kepedasan)

- Yang merasa tersindir, dialah yang berbuat pekerjaan yang disindirkan itu; yang berbuat salah akan merasa

4. Burung terbang dipipiskan lada

- Sudah bersiap sedia untuk mengecap hasil yang belum lagi diperoleh

5. Kecil-kecil lada api, besar-besar limau abung

- Meskipun kecil tetapi berani

(limau abung = sebangsa limau besar)

KATA CEKUR

Berikut adalah kata cekur dalam peribahasa Melayu;

1. Bau cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun, sudah hendak berumahtangga

- Belum cukup umur sudah hendak beristeri

2. Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun / cekur jerangau belum habis lagi

- Belum dewasa sudah hendak melawan orang tua; belum ada pengalaman

KATA CEMPEDAK

Berikut adalah kata cempedak dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai bunyi cempedak jatuh

- Bunyi jatuh yang kuat

2. Daripada cempedak baiklah nangka, daripada tidak baiklah ada

- Sedikit pun cukuplah daripada tiada langsung

3. Dicari cempedak di bawah kerambil (=kelapa)

- Mencari tidak pada tempatnya

4. Laksana cempedak mambung,[10] pulur saja jual tak laku

- Perempuan gemuk yang tidak disukai orang

5. Seorang makan cempedak (=nangka), semua kena getahnya

- Seorang berbuat salah, semuanya dianggap bersalah juga; seorang mendapat kesenangan, orang lain mendapat kesusahannya

6. Takkan cempedak berbau nangka

- Hendaklah diselidiki sesuatu perkara itu dengan saksama lebih dahulu sebelum mempercayai percakapan orang

7. Tanam cempedak, tumbuh nangka

- Yang diperoleh lebih daripada yang dikehendaki

8. Beruang (=beralur) bagai durian, bernabu bagai cempedak

- Keluarga atau sahabat handai yang sudah terpisah jauh

---

[10] Terdapat satu data yang menerangkan keadaan kata cempedak, `cempedak mambung' - bermaksud buah cempedak yang kering serta tiada isi didalamnya.

KATA CENDAWAN

Berikut adalah kata cendawan/rabuk dalam peribahasa Melayu;

1. Ada batang mati, adalah cendawan tumbuh

- Di mana juga kita tinggal, akan ada rezeki kita

2. Di mana tembilang terendak, di situ cendawan tumbuh/di mana batang terguling, di situ cendawan tumbuh

- Di mana timbul perkara di situlah diselesaikan

3. Sebagai api dengan rabuk

- Pucat lesi

4. Bagai api dengan rabuk

- Mudah menimbulkan sesuatu hal yang tak baik kalau diperdekatkan

5. Memperdekatkan rabuk dengan api

- Memberi perangsang kepada sesuatu hal yang kurang baik, misalnya tentang pergaulan bebas

6. Sehabis rabuk, sehabis puturan (=pemantik api)

- Kerja selesai wang pun habis

7. Seperti rabuk dengan api

- lihat (4)

KATA DELIMA

Berikut adalah kata delima dalam peribahasa Melayu;

1. Merekahkan diri bak buah[11] delima

- Membukakan rahsia diri sendiri

2. Seperti daun delima dengan bunganya

- Hidup yang tiada berguna

KATA DURI

Berikut adalah kata duri / onak dalam peribahasa Melayu;

1. Adakah duri dipertajam?

- Orang cerdik tidak guna diberi nasihat; musuh tidak perlu diberi pertolongan

2. Bagai duri dalam daging

- Sesuatu hal yang selalu terasa tidak menyenangkan hati

3. Duri di hutan siapa pertajam

- Kekuatan tuhan tidak ada batasnya

4. Memperagakan duri sebatang kepada landak

- Hendak melawan orang yang lebih segala-galanya

5. Seperti duri sebatang terbuang

- Orang miskin yang tiada diendahkan orang

---

[11] Data-data di atas menggunakan bahagian-bahagian dalam tumbuhan delima, iaitu buah delima, daun delima dan bunga delima.

5. Termasuk ke dalam belukar onak

- Terlibat dalam kesukaran dan tidak dapat melepaskan diri

KATA DURIAN

Berikut adalah kata durian dalam peribahasa Melayu;

1. Beruang (=beralur) bagai durian, bernabu (=isi yang menempel pada biji) bagai cempedak.

- Keluarga atau sahabat handai yang sudah terpisah jauh

2. Dapat durian runtuh

- Mendapat keuntungan dengan tidak bersusah payah

3. Durian dengan mentimun, menggolek rosak, kena golek binasa

- Orang yang lemah itu tidak berdaya untuk melawan orang yang berkuasa kerana baik, salah ataupun benar dia juga yang menanggung kerugian

4. Durian seambung dengan timun

- Jika orang yang kuat dan khianat berhimpun dengan orang lemah dan baik, nescaya binasalah yang lemah dan baik itu

5. Masak durian, masak manggis

- Perbandingan antara lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya dengan perempuan yang dapat menyembunyikan rahsianya sehingga tiada diketahui orang

6. Seperti mentimun dengan durian

- Orang yang lemah melawan orang yang kuat; perlawanan yang tidak sebanding

KATA ENAU

Berikut adalah kata enau dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

- Tiada semuafakat dalam sesuatu perbincangan

2. Enau mencari (=memanjat) sigai

- Perempuan mencari lelaki

3. Enau sebatang dua sigainya

- Satu pekerjaan yang dikepalai oleh dua orang; seorang perempuan yang menduakan suaminya

4. Mati enau tinggal di rimba

- Orang hina jika mati, tak akan disebut-sebut orang lagi

KATA IJUK

Berikut adalah kata ijuk dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai mendapat cincin[12] ijuk

- Mendapat barang yang tidak berguna

---

[12] 1. Cincin ijuk - ijik yang diperbuat cincin
2. Ijuk sebelembang - ijuk seberkas

2. Ijuk sebelembang, tali di situ keluan di situ.

- Pencarian yang tiada memadai

3. Tampak ijuk tak bersagar, lurah tak berbatu

- Seorang yang diperlakukan dengan sekehendak hati, kerana tidak ada kaum kerabatnya yang disegani orang

KATA INAI

Berikut adalah kata inai dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai inai dengan kuku

- Sangat karib (tentang orang bersahabat atau orang berkasih-kasihan)

2. Inai tertepung, kuku tanggal

- Usaha yang tak dapat diambil hasilnya kerana terjadi kemalangan tertepung (= sudah digiling)

3. Kaki tertarung inai padahannya, mulut terdorong emas padahannya

- Segala janji harus ditepati, bila berbuat sesuatu, harus berani menanggung akibatnya

KATA JAGUNG

Berikut adalah kata jagung dalam peribahasa Melayu;

1. Jangan bawa resmi jagung; makin berisi makin jegang

- Makin kaya (berilmu) makin sombong

2. Seperti pipit menelan jagung

- Hendak meniru orang-orang besar atau orang kaya-kaya, akhirnya susah sendiri

KATA KACANG

Berikut adalah kata kacang dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai kacang direbus satu

- Melonjak-lonjak kegirangan kerana mendapat untung

2. Bagai kacang direndang

- Bunyi suara yang tak putus-putus

3. 'Lah panas hari, kacang lupa akan kulitnya

- Orang yang tiada ingat akan asalnya setelah menjadi kaya

KATA KADUK

Berikut adalah kata kaduk dalam peribahasa Melayu;

1. Kaduk kena baja

- Orang yang tidak berguna, tetapi amat lama hidupnya

2. Kaduk naik junjung

- Orang hina merasa dirinya mulia

3. Seperti kaduk kena air tahi

- Berkembang biak dan lama hidup

KATA KEPAYANG

Berikut adalah kata kepayang dalam peribahasa Melayu;

1. Bak membelah kepayang muda; dimakan mabuk, dicampak sayang

- Menghadapi sesuatu masalah yang sangat sulit; dalam keadaan yang serba salah

2. Umpama buah kepayang, dimakan mabuk dibuang sayang

- Sesuatu yang amat disayangi tetapi merosakkan

KATA KIAMBANG

Berikut adalah kata kiambang dalam peribahasa Melayu;

1. Biduk lalu kiambang bertaut[13]

- Dua pihak yang berselisih akan berbaik kembali bila pegacum telah tersingkir

2. Sekali perahu lalu, sekali kiambang berkuak

- lihat (1)

3. Seperti kiambang dilempar

- Bercerai sebentar, lalu berkumpul kembali

4. Umpama kiambang di air, akar tidak jejak di bumi

- Tidak tetap pada suatu tempat

Kiambang bertaut - kiambang yang menjadi rapat/berkatup rapat-rapat,
Kiambang berkuak - kiambang yang tersingkap/terbuka ke kiri dan kanan

KATA LABU

Berikut adalah kata labu dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai tikus membaiki labu

- Hendak membetulkan barang yang tiada diketahui

2. Labu dikerbuk tikus

- Gadis yang sudah kehilangan daranya

KATA LALANG

Berikut adalah kata lalang dalam peribahasa Melayu;

1. Di mana lalang habis, di situ api padam

- Di mana mati di situlah dikuburkan

2. Lalang yang terbakar, sicerek menumpang mati

- Terlibat dalam urusan orang lain; mendapat kecelakaan kerana kesalahan orang lain

(sicerek = sebangsa tumbuhan yang biasa tumbuh dalam lalang)

3. Seperti api memakan lalang kering, tiada dapat dipadamkan lagi

- Marabahaya yang tak dapat ditolak

4. Tanam lalang tak akan tumbuh padi

- Kejahatan yang diperbuat, kejahatan pula balasnya

5. Tanam padi tumbuh lalang, ayam ditambat disambar elang

- Nasib yang malang

KATA LIMAU

Berikut adalah kata limau dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai limau masam sebelah

- Hukuman atau pertimbangan yang kurang adil; berat sebelah

2. Limau masak sebelah, perahu karam sekerat

- Hukuman yang berat sebelah kerana memandang orang, kedudukan dan sebagainya

3. Mengajar limau berdiri

- Mengajar orang yang telah pandai

4. Seperti limau masak seulas

- Mempunyai kelebihan daripada yang lain (kepandaian atau kekayaan)

KATA MAYANG

Berikut adalah kata mayang dalam peribahasa Melayu;

1. Mayang menolak seludang

- Melupakan orang yang memeliharanya sejak kecil

2. Seludang menolak mayang

- Menyombongkan diri

KATA MENTIMUN

Berikut adalah kata mentimun/ timun/ entimun dalam peribahasa Melayu;

1. Menempuh baik, ditempuhi istimewa lagi; durian tidak apa-apa, mentimun juga yang binasa

- Perlawanan yang tidak sebanding (seperti orang bodoh melawan orang pandai-pandai dan sebagainya)

2. Seperti mentimun dengan durian

- Orang yang lemah melawan orang yang kuat; perlawanan yang tidak sebanding

3. Entimun bongkok

- Tidak masuk hitungan dalam pergaulan

4. Bagai timun dendang; di luar merah di dalam pahit

- Mulut manis hati busuk

5. Macam mentimun dengan durian; menggelek luka, kena gelek pun luka

- Perlawanan yang tidak seimbang (orang kecil melawan orang yang berkuasa)

KATA MUMBANG

Berikut adalah kata mumbang dalam peribahasa Melayu;

1. Cuba-cuba menanam mumbnag, jika tumbuh sunting (=suri, turus) negeri

- Kerjakan terus walaupun kurang berharga, barang kali ada juga hasilnya kelak

2. Menanam mumbang

- Melakukan sesuatu yang sia-sia

3. Mumbang jatuh (=runtuh), kelapa jatuh (=runtuh)

- Tiap-tiap yang hidup akan mati dengan tidak memandang umur

KATA NANGKA

Berikut adalah kata nangka dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai nangka masak gugur

- Jatuhnya orang yang gemuk

2. Bagai nangka masak menyesak sarung

- Rupa seseorang yang tambun

3. Bagai ulat nangka terhempas ke batu

- Tidak serik

4. Seorang makan cempedak (=nangka), semuanya kena getahnya

- Seseorang berbuat salah, semuanya dianggap bersalah juga; seorang mendapat kesenangan, orang lain mendapat kesusahannya

5. Siapa makan nangka, maka kena getah

- Siapa yang bersalah, harus dihukum

KATA NYIUR

Berikut adalah kata nyiur/kelapa/kerambil dalam peribahasa Melayu;

1. Nyiur setandan[14] tetapi berlain-lain jadinya

- Walaupun anak-anak itu daripada seibu-sebapa tetapi tabiatnya jauh berbeza

2. Umpama memerah nyiur, santan diambil hampas dibuang

- Mendengar nasihat orang, pilihlah yang baik dan buanglah yang buruk

3. Apabila tumbuh-nyiur itu patah, tumbuh-nyiur juga akan gantinya

- Ganti yang hilang mestilah yang sama pula tumbuh-nyiur = tunas bibit kelapa

4. Kelapa ditebuk tupai

- Gadis yang sudah kehilangan daranya

5. Kelapa muda tak berminyak

- Orang muda yang belum ada pengalaman

---

[14] nyiur setandan - kelapa yang ada dalam satu gugus
tumbuh-nyiur - tunas bibit kelapa
kelapa muda - kelapa yang belum tua
kelapa tebal sabut - kelapa yang berkulit tebal/sabut tebal

6. Kelapa tebal sabut, terhempas ke batu tak pecah, dibuang ke laut tak tenggelam

- Orang yang ramai anak cucunya, dikasihi oleh kaum kerabatnya, suka tolong-menolong, maka selamatlah hidupnya.

7. Memagar kelapa (=kerambil) condong, buahnya jatuh ke ladang orang

- Kita yang bersusah payah, orang lain yang mendapat hasilnya

8. Seperti berebut kelongkong[15] kelapa

- Pergaduhan dengan sebab makanan atau keuntungan yang sedikit

9. Tua-tua kelapa, makin tua berminyak

- Meskipun tua, tetapi baik (lebih enak)

10. Biarpun setandan bagai kerambil, namun untung berlain-lain

- Meskipun bersaudara, namun keadaan masing-masing tetap berlain-lain

11. Kerambil tumbuh di matanya

- Kepala negeri yang cerdik lagi hartawan, (biasa juga dikiaskan kepada perempuan cantik yang kuyu matanya)

KATA PADI

Berikut adalah kata padi dalam peribahasa Melayu;

1. Ada padi masak, adalah pipit

- Di tempat orang mudah mendapat rezeki, banyaklah orang berkumpul

---

15 kelongkong kelapa - buah nyiur yang masih muda
tua-tua kelapa - kelapa yang telah tua

2. Ada padi, segala menjadi

- Orang yang mampu (=kaya, berilmu) segala maksudnya mudah tercapai

3. Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras

- lihat 2

4. Bagai padi, hendakkan dedak; bagai laki (=suami), hendakkan gendak

- Orang yang suka menolak sesuatu pemberian yang baik, dan gemar berbuat pekerjaan buruk

5. Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang

- Tidak sombong; rendah diri

6. Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk

- Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin merendah diri

7. Bukan tanah menjadi padi

- Bukan tempatnya untuk berbuat baik

8. Ilmu padi, makin berisi makin tunduk

- lihat 6

9. Jika ada padi berhampalah; jika ada hati berasalah

- Siapa merasa tersindir, dialah yang berbuat sebagai yang disindirkan itu

10. Jika ada padi, tentu ada hampanya; jika ada hati tentu terasa

- lihat 9

11. Jikalau kasihkan padi, buangkanlah rumput

- Jika kasihkan anak isteri, berhentilah daripada mengasihi orang lain

12. Kalau tiada padi sebarang kerja tak jadi

- Kalau tiada pencarian yang tetap, maka kehidupan menjadi susah

13. Kasihkan padi buangkan rumput

- lihat 11

14. Menyisip padi dengan lalang

- Mencampurkan sesuatu yang buruk kepada yang baik, akhirnya yang baik itu jadi binasa

15. Menyokong padi hendak rebah

- Menolong seseorang lemah yang akan membalas budi orang yang menolongnya

16. Padi dikebat dengan daunnya

- Anak dikahwinkan dengan kemanakan

17. Padi masak, jagung mengupih

- Keuntungan yang berlipat ganda

mengupih = sudah tua

18. Padi rebah, paksa tekukurlah

- Mendapat untung tanpa bersusah payah

19. Padi sama tumbuh dengan siangan, adat sama tumbuh dengan sengketa

- Adat berdiri kerana ada sebabnya

20. Padi sekepuk hampa, emas seperti loyang, kerbau sekandang jalang

- Pelihatan kaya (pandai) sebenarnya miskin (bodoh); bernasib malang

kepuk = lumbung padi; jalang = liar

21. Padı selumbung dimakan orang banyak

- Fikiran isteri daripada seorang suami yang beristeri dua tiga

22. Padi setangkai bernas semuanya

- Keluarga yang hidupnya beruntung dan berbahagia

bernas = berisi penuh

23. Pagar makan padi (=tanaman)

- Orang yang kita percayai berkhianat kepada kita

24. Sementara menanti padi masak, berjagung-jagunglah dulu / Baik berjagung-jagung sementara padi belum masak

- Sementara belum ada yang lebih baik, maka yang kurang baik pun baiklah dipakai dulu

25. Seperti ilmu padi hampa, makin lama makin mencongak

- Orang sombong, cakap saja yang besar tetapi buktinya tidak ada

26. Tak ada padi yang bernas setangkai

- Tak ada suatu apa pun yang sempurna semuanya

KATA PERIA

Berikut adalah kata peria dalam peribahasa Melayu;

1. Buah peria itu kalau ditanam di atas sakar, dibaja dengan madu, disiram dengan manisan, dan diletakkan di atas tebu, apabila masak pahit juga.

- Orang yang jahat perangainya, tak dapat diperbaiki lagi, biarpun dihiasi dengan pangkat dan kekayaan

2. Sudah tahu peria pahit

- Sudah tahu kurang baik diperbuat juga; penyesalan yang tak berfaedah

KATA PETAI

Berikut adalah kata petai dalam peribahasa Melayu;

1. Kulai-balai bagai petai sisa pengait (=dikait)

- Orang yang lemah-lembut gerak-gerinya

2. Menjual petai hampa

- Membual; omong kosong

3. Sebagai petai sisa pengait

- Tak berguna sedikit juga

KATA PINANG

Berikut adalah kata pinang dalam peribahasa Melayu;

1. Bak pinang dianduh, putus tali dia berdiri

- Melakukan sesuatu pekerjaan kerana dipaksa

dianduh = ditarik dengan tali

2. Darah setampuk pinang

- Belum berpengalaman

3. Kasihkan pinang sebatang daripada aur serumpun

- Lebih sayang kepada orang lain daripada kaum keluarga sendiri

4. Pinang pulang ke tampuk

- Sudah pada tempatnya; sudah cocok benar

5. Pinang tua merah ekor

- Perempuan yang sudah berumur, tetapi kelakuannya masih seperti gadis

6. Seperti pinang dibelah dua

- Serupa benar

KATA PISANG

Berikut adalah kata pisang dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai pucuk pisang didiang

- Lemah sekali; tiada berdaya

2. Bagai rasa batang pisang

- Tubuh seseorang yang terlalu dingin

3. Berjual pisang kepada monyet

- Berjual dengan memberikan hutang

4. Besar di bawah pisang goyangkan, besar di bawah tebu berlengkar

- Besar dengan didikan yang sederhana saja; belum ada pengalaman

5. Budak-budak makan pisang

- Masih mentah dalam segala hal

6. Bukan budak-budak makan pisang

- Tidak dapat diperdayakan dengan mudah

7. Hendak mendapat pisang terkupas

- Inginkan kesenangan tetapi malas berusaha

8. Mendapat pisang terkubak

- Mendapat keuntungan dengan tidak bersusah payah

9. Mengenalkan diri bagai pisang lebat

- Mendapat kecelakaan kerana perbuatannya atau tabiatnya sendiri

10. Menopang pisang yang tak berbuah

- Usaha yang sia-sia

11. Pisang ditanam tak berjantung

- Usaha yang sia-sia

12. Pisang mas di luar, onak di dalam

- Mulut manis yang berisi tipu muslihat

13. Pisang masak separak

- Keluarga yang senang dan berbahagia hidupnya

14. Pisang sesikat gulai sebelanga, tanda muafakat bersama-sama

- Suka bertolong-tolongan satu sama lain

15. Takkan pisang berbuah dua kali

- Sekali merugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati

KATA ROTAN

Berikut adalah kata rotan dalam peribahasa Melayu;

1. Ada rotan, ada duri

- Dalam kesenangan tentu ada kesusahannya

2. Bagai rotan, asal berinsang dicucuk belaka

- Tiada memilih (makanan atau perbuatan)

3. Kerat rotan, patah arang

- Telah putus sama sekali; perselisihan yang tak dapat didamaikan

4. Kerbau bertanduk, rotan beronak

- Orang besar-besar kuat kerana kekuasaannya dan rakyat kuat kerana persatuannya

5. Meminta rotan yang sekerat

- Hendak berpisah daripada kaum kerabat, kerana berkecil hati

6. Sementara mendapat rotan, akar-akar pun jadilah

- Sementara belum ada yang lebih baik, maka yang kurang baik pun baiklah dipakai dulu

7. Seutas rotan ditarik, bergegar hutan belukar; riuh bunyi kera dan lotong

- Jika seseorang anggota keluarga mendapat aniaya, maka marahlah sekalian kaum keluarga dan sekalian sahabat handai

8. Tiada rotan, akar pun berguna (=jadi)

- Kalau tiada yang baik, maka yang kurang baik pun boleh juga

KATA RUMBIA

Berikut adalah kata rumbia dalam peribahasa Melayu;

1. Atap rumbia perabung upih, rumah besar berdinding papan

- Barang yang baik dicampurkan dengan barang buruk

2. Menantikan buah rumbia masak

- Mengharapkan sesuatu yang tak mungkin

KATA RUMPUT

Berikut adalah kata rumput dalam peribahasa Melayu;

1. Bicarakan rumput di halaman orang, di halaman sendiri rumput sampai di kaki tangga

- Cacat cela orang lain nampak, cacat cela sendiri tidak kelihatan

2. Embun di hujung rumput

- Tiada kekal

3. Ibarat rumput yang sudah kering, ditimpa hujan segar kembali

- Orang melarat mendapat pertolongan

4. Rumput mencari kuda

- Perempuan yang mencari lelaki

5. Sebagai sebiji sesawi dalam rumput

- Tidak dikenal kerana kemiskinan

6. Teranggit seperti rumput di pintu

- Kehidupan yang miskin

7. Terhengit-hengit (=merana) bagai rumput di tengah jalan, mati segan hidup tak mahu

- Kehidupan yang melarat dan miskin; telah lama sakit

KATA SABUT

Berikut adalah kata sabut dalam peribahasa Melayu;

1. Asal sabut terapung, asal besi tenggelam

- Untung-untungan; kalau bernasib baik tentu selamat, kalau bernasib malang tentu jatuh

2. Bagai parang buruk, tali sabut tiada tergolok

- Tiada berkuasa melakukan pekerjaan kerana terlalu lemah

3. Kerana sabut tebal, tempurungnya pun menjadi kebal

- Orang yang banyak kaum keluarga dan sahabat handainya selamatlah hidupnya

KATA SAGA

Berikut adalah kata saga dalam peribahasa Melayu;

1. Seperti saga di atas talam

- Selalu berubah

2. Yang merah saga, yang kurik kundi; yang indah bahasa, yang baik budi

- Biarpun rupa elok dan kacak, tetapi kalau budi bahasa buruk, maka akan hina juga pada pandangan masyarakat

3. Diuji timbang lebih sesaga[16]

- Perbezaan yang sangat kecil

KATA SIRIH

Berikut adalah kata sirih dalam peribahasa Melayu;

1. Ada sirih hendak sepah

- Ada yang baik, hendakkan yang buruk

2. Sirih naik, junjungan naik

- Mendapat untung dan bahagia silih berganti

3. Sirih pulang ke gagangnya

- Kembali ke tempatnya

4. Sirih berlipat dengan sendiri

- Mendapat orang yang dicintai dengan tak payah berusaha; beroleh keuntungan dengan mudah

---

16 Sesega - imbuhan 'se' merujuk kepada 1, oleh itu maksud sesaga ialah sebiji buah saga.

5. Seikat bagai sirih, serumpun bagai serai

- Seia sekata; sehina semalu

6. Umpama sirih, menjalai dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung

- Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya

7. Sirih naik, junjungan patah

- Baru hendak mendapat kesenangan, tiba-tiba mendapat bencana pula

KATA TEBU

Berikut adalah kata tebu dalam peribahasa Melayu;

1. Bertanam tebu di bibii

- Mengeluarkan perkataan yang manis-manis (untuk memujuk dan sebagainya)

2. Bertanam tebu di mulut, bertanam halia (=peria) di hati

- Mulut manis, hati busuk

3. Bertongkat tebu

- Berjalan bersama-sama isterinya atau kekasihnya

4. Dapat tebu rebah

- Mendapat keuntungan dengan tidak bersusah payah

5. Diminta tebu diberi temarau (gelagah, temarau)

- Yang diberi berlainan daripada yang diminta

6. Ditanam tebu di telinga, berkembang bunga raya di muka

- Gembira oleh kerana mendengar pujian

7. Jangan difikirkan bengkok tebu itu bengkok pula manisnya

- Nasihat yang baik tidak memandang orang yang mengadakannya

8. Jangan difikirkan kalau tebu itu bengkok, manisnya itupun bengkok

- lihat 7

9. Mengunggis tebu tak bergigi, jahanam gusi

- Melawan musuh yang kuat tanpa syarat, tentulah membinasakan diri sendiri

unggis = memakan dengan menggigit berdikit-dikit

10. Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai

- Seia-sekata; sehina semalu

11. Seperti tebu, airnya dimakan (= ditelan), ampasnya dibuang

- Dipilih yang baik dan dibuang yang buruk; gadis yang sudah dirosaki dan ditinggalkan

12. Seruas tebu yang berulat, sebatangnya dibuang

- Seorang yang berbuat salah, semuanya terbawa-bawa

13. Seruas tebu yang berulat, seruas dibuangkan

- Siapa yang berbuat salah, dialah yang dihukum

14. Tebu ditanam takkan peria yang tumbuh

- Berbuat baik, tentu kebaikan juga yang dibalas

15. Tebu masuk ke mulut gajah

- Binasa sama sekali (tak dapat ditolong lagi)

16. Tebu pada awak, peria pada teman

- Disukai oleh seorang, dibenci oleh yang lain

17. Tebu seruas berulat pula

- Anak hanya seorang, buruk pula perangainya

18. Tebu setuntung jadi separak

- Anak gadis seorang, setelah kahwin beranak banyak pula

setuntung = sepotong kecil

19. Tebu setuntung masuk geraham gajah

- Pemberian yang sedikit kepada orang yang kaya tentu tiada terasa olehnya

20. Tebu takkan pahit rasanya

- Orang yang sungguh-sungguh baik tidak akan berkelakuan jahat

KATA TERUNG

Berikut adalah kata terung dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai terung terantuk ke dinding

- Datang berkunjung sebentar saja

2. Laksana terung bertunang ikan kering

- Sangat sesuai

3. Terung buah tergantung, lobak buah terlindung

- Ada orang yang menampakkan kekayaan dan ada pula orang yang menyembunyikannya

4. Tua-tua terung asam, makin tua selera makin tajam

- Orang tua yang kemuda-mudaan

KATA UBI

Berikut adalah kata ubi dalam peribahasa Melayu;

1. Ada ubi ada batas, ada masa boleh balas

- Perbuatan jahat itu sewaktu-waktunya akan mendapat balasan

2. Ada ubi ada talas, ada ubi ada balas

- Berbuat baik dibalas baik, berbuat jahat dibalas jahat; tiap-tiap aks ada reaksinya

3. Lamun ada ubi, ubi; tiada ubi. gadung jadilah

- Jika terpaksa, barang yang kurang baik pun dapat digunakan juga

KATA ULAM

Berikut adalah kata ulam dalam peribahasa Melayu;

1. Ada ulam hendaklah ada sambalnya

- Tiap-tiap suatu itu ada pasangannya

2. Ada ulam, pucuk menjulai

- Yang diperoleh lebih daripada yang dikehendaki

3. Seperti hulam(ulam) dengan sambal

- Tentang perhubungan lelaki dan perempuan yang sama-sama jahat

4. Ulam mencari sambal

- Perempuan yang mencari lelaki

KATA ANAI-ANAI

Berikut adalah kata anai-anai dalam peribahasa Melayu;

1. Busut juga ditimbun oleh anai-anai

- Orang kaya juga yang bertambah kaya

2. Seperti anai-anai bubus (=keluar banyak bersama-sama)

- Keluar beramai-ramai berduyun-duyun

3. Seperti anai-anai makan kayu

- Mengerjakan sesuatu pekerjaan dengan tekun dan rajin

KATA ANJING

Berikut adalah kata anjing dalam peribahasa Melayu;

1. Anak anjing takkan menjadi anak musang jebat

- Orang yang tidak berilmu tidaklah mungkin mendapat kedudukan

2. Anjing bercawat ekor

- Pergi atau menghindar kerana malu dan sebagainya

3. Anjing biasa makan tahi, jika tak makan mencium ada juga

- Orang yang biasa berbuat jahat, sekali sekala teringat juga akan mengulangnya lagi

4. Anjing dengan tahi, tidak makan atau menjilat, tetapi mencium ada juga - lihat 3

5. Anjing diberi makan tahi takkan kenyang

- Sia-sia memberi nasihat yang baik kepada orang jahat

6. Anjing ditepuk menjungkit ekor

- Orang hina apabila dihormati, sombonglah jadinya

7. Anjing galak, babi berani

- Bertemu lawan yang sepadan; beiani sama berani, keras sama keras

8. Anjing itu, kalau dipukul sekalipun, berulang juga ia ke tempat bangkai yang banyak tulang

- Orang yang tamak, sekalipun dikata-katai, namun ia tidak akan malu

9. Anjing itu, meskipun dirantai dengan rantai emas, nescaya berulang juga ia ke tempat najis

- Orang jahat, biarpun diberi kesenangan, namun kalau mendapat kesempatan akan diulangnya juga perbuatan jahatnya itu

10. Anjing kepada orang, raja kepada kita

- Buruk baik anak sendiri juga

11. Anjing menyalak bukit, takkan runtuh

- Orang baik yang dicela aloh orang jahat, tentu tidakakan binasa kebaikannya

12. Anjing menyalak di ekor (= di pantat gajah)

- Orang lemah (hina) mencuba hendak melawan orang yang berkuasa, tentulah perbuatannya itu sia-sia saja

13. Anjing terpanggang ekor

- Mendapat kesusahan besar sehingga tak tentu tingkah lakunya, meminta pertolongan ke sana ke mari

14. Anjing tiada bercawat ekor

- Sesuatu yang hina dan tiada berguna

15. Bagai anjing bercawat enam

- Kurus sekali

16. Bagai anjing buruk kepala

- Orang yang sangat dibenci oleh masyarakat

17. Bagai anjing melintang denai

- Sangat gembira; sangat sombong

denai = jejak binatang besar di hutan

18. Bagai anjing tersepit di pagar

- lihat (13)

19. Bak anjing tersepit

- Ketika menderita merendah diri meminta tolong, terlepas daripada kesusahan, meninggikan diri kembali

20. Kalau anjing biasa makan tahi, tak makan , hidu ada juga

- Lihat (3)

21. Melepaskan anjing tersepit, sudah lepas dia menggigit

- Menolong orang yang tiada tahu berterima kasih

22. Mengusik anjing tidur

- Sengaja mencari kesusahan atau bahaya

. Seperti anjing berebut tulang

Orang tamak memperebutkan harta

. Seperti anjing berjumpa (=dapat) pasir

Kesukaan yang tidak pada tempatnya kerana bertemu dengan barang yang gemari

. Seperti anjing beroleh bangkai

Orang yang tamak mendapat sesuatu barang yang mudah

. Seperti anjing dan kucing

Selalu bertengkar

. Seperti anjing kedahuluan (=didului oleh harimau waktu mengejar rburuan)

Kecewa dan takut

. Seperti anjing kepala busuk

Orang yang sangat dibenci oleh masyarakat

. Seperti anjing lapar mendapat tulang, daging segumpal dan sekeping im

Bantuan yang diperoleh tepat pada waktunya

Seperti anjing makan masak mentah

Orang yang gelojoh tiada memilih baik ataupun jahat

Seperti anjing menggonggong bangkai

Lelaki jahat yang membawa perempuan jahat

Seperti anjing menggonggong tulang

ihat (5)

33. Seperti anjing mengulangi bangkai

- Lelaki yang suka pergi ke tempat perempuan jahat

34. Seperti anjing mengunyah tulang

- Selalu bersungut-sungut

35. Seperti disalak anjing bertuah

- Tak dapat ditolak (bertangguh) lagi

36. Tiada terjilat oleh anjing

- Perbuatan yang sangat tercela

37. Umpama anjing makan muntahnya

- Orang yang tamak dan gelojoh tidak memilih (keji atau terlarang) apa yang akan diperbuatnya

38. Terlepas daripada babi gemuk, terpeluk anjing kurap

- Perempuan yang bernasib malang, bercerai daripada suami hartawan yang hina dan kahwin dengan seorang hamba yang miskin

KATA AYAM

Berikut adalah kata ayam dalam peribahasa Melayu;

1. Anak ayam kebasahan bulu

- Gelisah resah; menjijikkan

2. Asal ayam hendak ke lesung, asal itik hendak ke pelimbahan

- Tabiat orang tak mungkin berubah-ubah

3. Asal ayam pulang ke lumbung, asal itik pulang ke pelimbahan

- lihat (20)

4. Ayam baru belajar berkokok

- Baru cukup umur

5. Ayam berinduk, sirih berjunjung

- Tiap-tiap yang lemah harus mendapat bantuan dan perlindungan

6. Ayam berlaga sekandang

- Berkelahi dengan orang serumah

7. Ayam beroga itu, kalau diberi makan di pinggan emas sekalipun ke hutan juga perginya

- Bagaimana senangnya di negeri asing, ingat juga kita akan negeri sendiri

ayam beroga = ayam hutan

8. Ayam bertelur di atas padi

- Hidup senang dan mewah

9. Ayam bertelur di atas padi, mati kelaparan

- Sangat menderita kesusahan meskipun bergaji besar (beristerikan atau bersuamikan orang kaya) atau hidup miskin di negara yang kaya dan makmur

10. Ayam dapat, musang dapat

- Pencuri tertangkap, barang-barangnya pun tidak hilang

11. Ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun Limbun

- Kejahatan (perkara dan sebagainya) yang dilakukan di dalam sulit, sukar diketahui

13. Ayam itik, raja pada tempatnya

- Tiap-tiap orang ahli dalam urusannya masing-masing

14. Ayam menang kampuh (=kampung) tergadai

- Keberuntungan yang tidak ada faedahnya

kampuh = kain selimut yang dirangkap daripada 3 helai kain

15. Ayam pulang ke pautan

- Sudah pada tempatnya

16. Ayam putih terbang siang, hinggap di halaman, terang kepada mata orang banyak

- Perkara yang nyata mudah ketahuan

17. Ayam seekor bertambang dua

- Gadis seorang, dua bujang yang ingin

18. Ayam sudah patah, kalau-kalau dapat menikam

- Orang yang telah jatuh melarat itu mungkin akan berubah nasibnya

19. Ayam tak patuk, itik tak sudu

- Keadaan orang yang hina dalam masyarakat

20. Ayam terlepas, tangan bau tahi

- Kejahatan yang tidak mendatangkan hasil, melainkan malu semata-mata

21. Ayam terlepas, tangan tercirit

- lihat (20)

22. Ayam tidur senang, di dalam reban, musang yang susah beredar sekeliling

- Tidak senang melihat kebahagiaan orang

23. Ayam vang tangkas di gelanggang

- Orang yang pandai berkata-kata di dalam majlis

24. Bagai ayam dibawa ke lampok

- Orang yang tak pernah masuk majlis

lampok = onggok padi sesudah disabit; limpap

25. Bagai ayam dimakan (=kena) tungau

- Pucat dan kuning kerana menghidap penyakit; sangat gelisah kelakuannya

26. Bagai ayam disambar elang

- Mati tanpa sakit

27. Bagai ayam kena kepala

- Tidak dapat berbuat apa-apa; bingung

kena kepala = kena lempar

28. Bagai ayam lepas bertaji

- Seseorang mendapat kesusahan dan orang lain serba salah untuk menolongnya

29. Bagai ayam mabuk tahi

- Pucat lesi dan tidak berdaya sebab sakit dan kurang darah

30. Bagai ayam mengarang telur

- Peri keelokan, merah muka seseorang

mengarang telur = hampir bertelur

31. Bagai ayam mengeram telur

- lihat (30)

32. Bagai ayam naik ke surau

- Bertamu ke rumah orang yang tidak memberi jamu apa-apa

33. Bagai ayam si tombong, kokok berderai-derai, ekor bergelimang tahi

- Seseorang yang cakapnya tinggi tetapi keluarganya dalam kemelaratan

tombong = sombong

34. Bagai ayam yang terkecundangan

- Sangat ketakutan

35. Bagai membawa resmi ayam betina, supaya tidak ada bencana

- Lebih merendahkan diri, supaya selamat dalam hidup

resmi = sifat

36. Belum tahu lagi, ayam sedang berlaga (= bersabung)

- Belum ada keputusan

37. Berketak ayam di darat, bersenyap-senyap mutiara di laut

- Orang bodoh suka menunjukkan kerja yang dibuat-buatnya, tetapi orang yang bijaksana membuat kerja hanya dengan diam-diam saja

38. Berketak ayam mandul; orang berketak ia berketak, orang bertelur ia tidak

- Orang yang bernasib malang, walaupun meniru orang lain, tetapi nasibnya tetap tidak berubah

39. Berketak ayam, tahu akan bertelur atau tidak

- Orang yang bijaksana itu, apabila mendengar orang bercakap, tahu ia benar atau bohong, berilmu atau tidak

40. Berketuk ayam dalam telur

- Anak-anak atau orang bodoh yang turut merundingkan sesuatu perkara yang tidak diketahui

41. Celaka ayam, padi masak makan ke hutan

- Nasib malang

42. Jika memelihara ayam, musang jangan dijinakkan, setidak-tidaknya bertempiarannya kelak

- Jika ada anak isteri terutama sekali anak gadis, janganlah dibiarkan orang lelaki yang jahat datang bertamu ke rumah

43. Membulang ayam indarus rancak kokok

- Lahirnya saja pandai atau berani, tetapi yang sebenarnya bodoh atau penakut

rancak kokok = merdu bunyi kokoknya

44. Sebagai ayam diasak malam

- Tidak ada daya upaya lagi

diasak = didesak

45. Seciap bak ayam, sedencing bak besi

- Seia-sekata dalam semua pekerjaan

46. Seekor ayam tak berkokok, hari tak siangkah?

- Orang yang pandai bukan seorang; sesuatu perkara itu akan terus berlaku walupun ada seorang yang tidak menyukainya

47. Seperti anak ayam kehilangan induk (=ibu)

- Kesusahan kerana bercerai dengan sahabat yang karib; rakyat yang kehilangan pemimpin

48. Seperti ayam berak kapur

- Rupa pucat kerana menghidap penyakit

49. Seperti ayam gadis bertelur

- Mengerjakan sesuatu pekerjaan terhenti-henti

50. Seperti ayam; kais pagi makan pagi, kais petang makan petang

- Hidup melarat; kerja pagi-pagi untuk makan pagi, kerja petang untuk makan petang

51. Seperti ayam makan rumput

- lihat (50)

52. Seperti ayam patuk (=mematuk) anaknya

- Menghukum anak, bukan untuk menyeksa tetapi untuk memperbaiki kelakuan anak itu

53. Seperti ayam termakan rambut

- Bunyi nafas yang sesak

54. Seperti kotek ayam mandul

- Maksudnya saja yang banyak, tetapi suatu pun tak jadi

55. Umpama ayam menetaskan telur itik, anaknya itu ke air juga

- Perangai atau kelakuan baka tiada siapa yang dapat mengubahnya

KATA BABI

Berikut adalah kata babi dalam peribahasa Melayu;

1. Babi merasa gulai

- Menyama-yamai orang berpangkat tinggi (kaya dan sebagainya)

merasa gulai = mencuba masin pedas gulai

2. Bertambah gemuk tubuh babi itu, bertambah kecil lagi matanya

- Orang miskin yang beroleh kekayaan dan yang hanya mementingkan dirinya saja dan tidak hendak memandang orang lain lagi

3. Jangan bagai babi merasa gulai

- Orang yang hina tidak patut berjodoh dengan orang bangsawan

4. Kepala yu, ekor babi

- Suka berpura-pura atau bermuka dua

5. Terlepas daripada babi gemuk, terpeluk anjing kurap

- Perempuan yang bernasib malang, bercerai daripada suami hartawan yang hina dan kahwin dengan seorang hamba yang miskin

KATA BADAK

Berikut adalah kata badak dalam peribahasa Melayu;

1. Anak badak dihambat-hambat

- Sengaja mencari bahaya (kesukaran dan sebagainya)

2. Badak makan anak

- Kiasan kepada orang yang membuang anaknya sendiri kerana takut malu dan sebagainya

3. Sayang anak badak tampung, cucu konon badak raya

- Orang yang mengaku dirinya keturunan baik-baik

4. Seperti badak terendak

- Orang tambun dan hodoh

KATA BANGAU

Berikut adalah kata bangau dalam peribahasa Melayu;

1. Bangau-bangau, minta aku leher; badak-badak minta aku daging

- Iri hati kerana melihat kelebihan seseorang

2. Seperti bangau kasihkan kerbau

- Bersahabat kerana kepentingan diri sendiri

3. Setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap di belakang kerbau juga

- Selalu kembali ke tempat asalnya

KATA BAYAN

Berikut adalah kata bayan dalam peribahasa Melayu;

1. Bayan di tangan habis terlepas

- Nasib yang malang

2. Kalau sesangkar sekalipun, yang bayan itu bayan juga; serindit, serindit juga

- Manusia itu tetap berbeza, sekalipun berasal daripada satu keluarga

KATA BELALANG

Berikut adalah kata belalng dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai mencari belalang di atas akar

- Mengerjakan pekerjaan yang sia-sia

2. Belalang dapat menuai

- Mendapat keuntungan tidak dengan sengaja

3. Belalang disangka elang

- Tiada pernah melihat sesuatu yang lebih

4. Belalang hendak menjadi elang

- Orang bodoh (=hina) hendak berlaku sebagai orang besar (=pandai-pandai)

5. Di tempat tiada `lang, kata belalang; akulah `lang!

- Orang mengaku dirinya pandai atau mempunyai kelebihan, apabila diketahui di tempat itu tidak ada orang yang pandai

KATA BELUT

Berikut adalah kata belut dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai belut digetir (diketil) ekor

- Cepat sekali

2. Bagai belut diregang

- Tinggi dan kurus

3. Belut jatuh ke lumpur

- Senang sekali

4. Belut kena ranjau (=getah)

- Sepandai-pandai orang, adakalanya salah juga

5. Belut pulang ke lumpur

- Kembali ke asal

6. Licin bagai belut

- Tidak mudah ditipu atau di tangkap

7. Menyukat belut

- Pekerjaan yang tak mungkin berhasil

KATA BERUDU

Berikut adalah kata berudu dalam peribahasa Melayu;

1. Besar berudu di kubangan, besar buaya di lautan

- Tiap-tiap orang mulia dan besar pada tempatnya masing-masing

2. Kerap sang berudu hendak berenang di laut lebar, awak masih juga di kubangan

- Menghendaki sesuatu yang mustahil diperoleh atau terjadi

KATA BERUK

Berikut adalah kata kera dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai beruk kena ipuh

- Menggeliang-geliut (kerana kesakitan dan sebagainya)

2. Berhakimkan kepada beruk

- Minta pertimbangan (keadilan) kepada orang yang tamak, nescaya akan merugi

3. Bertukar beruk dengan cigak, mengimbuh dengan kera

- Yang lama sama dengan yang baru

cigak = kera; imbuh = tambahan

4. Beruk berjumpa pisang masak setandan

- Orang tamak yang memperoleh keuntungan dengan mudah

5. Dilengan (=dimabuk) beruk berayun

- Asyikkan sesuatu yang tidak ada gunanya

6. Mabuk kerana beruk berayun

- Gilakan wanita cantik yang tak mungkin didapat; asyik melihat sesuatu yang tidak berguna

KATA BIAWAK

Berikut adalah kata biawak dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai biawak mengulangi bangkai

- Lelaki yang suka pergi ke tempat perempuan jahat

2. Bercabang bagai lidah biawak

- Tidak dapat dipercayai barang katanya

3. Biawak kudung masuk kampung

- Orang jahat yang dikenal ramai

4. Bila pula biawak duduk?

- Pertanyaan untuk sesuatu yang mustahil

5. Mendukung biawak hidup

- Melakukan pekerjaan yang sangat menyusahkan diri; mempunyai anak atau isteri yang sangat menyusahkan hati

6. Merendan terbang biawak

- Perempuan yang memperlihatkan dirinya kepada lelaki

7. Seperti biawak, masakan hilang kesalnya.

- Orang yang rendah budi pekerti tentu bahasanya kasar

KATA BUAYA

Berikut adalah kata buaya dalam peribahasa Melayu;

1. Adakah buaya menolak bangkai

- Seorang jahat tentu akan berbuat jahat, kalau ada kesempatan

2. Buaya setanjung makan tak habis

- Terlalu gemuk

3. Ditangkap buaya, nampak riaknya: ditangkap malas tak bertanda

- Sifat malas seseorang tak dapat dilihat sebelum disuruh membuat sesuatu kerja

4. Mengajar buaya berenang

- Mengajar orang yang telah pandai

5. Seperti buaya bertemu bangkai hanyut

- Orang tamak mendapat sesuatu barang dengan mudah

6. Tidak akan terlawan buaya menyelam.

- Orang bodoh tidak dapat melawan orang pandai

7. Tidak usah diajar anak buaya berenang

- Orang yang sudah tahu tak perlu di ajar

KATA BUNTAL

Berikut adalah kata buntal dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai buntal kembung

- Bodoh dan sombong

2. Laksana buntal kembung, perut buncit di dalamnya kosong

- Orang yang tiada berpengetahuan, hanya cakapnya saja yang besar

3. Melabuh-labuh bagai buntal ditiup

- Kelakuan yang mengada-ngada oleh kerana dipuji

4. Yang buntal kutil-mengutil, yang jerung luluh meluluh

- Yang miskin hidup berpekin, yang kaya boros berbelanja

KATA BURUNG

Berikut adalah kata burung dalam peribahasa Melayu;

1. Burung gagak itu jika dimandikan dengan air mawar sekalipun, tiada akan menjadi putih bulunya.

- Orang yang sudah biasa jahat itu biar bagaimanapun dinasihatkan namun tabiatnya tidak dapat dirubah

2. Burung hantu kesiangan

- Tak dapat berbuat apa-apa kerana kehabisan daya

3. Burung pipit sama enggang, mana boleh sama terbang

- Persahabatan atau perjodohan yang tidak sepadan tidak akan selamat; tiap-tiap orang mesti mencari golongannya sendiri, barulah sempurna

4. Burung terbang dipipiskan lada

- Sudah bersiap sedia untuk mengecap hasil yang belum lagi diperoleh

5. Burung yang liar jangan dilepaskan; khabar yang mustahil jangan didengarkan

- Jangan percaya akan sesuatu yang kita belum tahu dengan sahnya

6. Dengarkan cerita burung, anak dipangku dilepaskan

- Kerana mendengarkan manis tutur kata orang, pekerjaan sendiri disia-siakan

7. Harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan

- Kerana mengharapkan keuntungan yang besar tetapi belum tentu diperoleh, keuntungan yang kecil tetapi sudah pasti, dilepaskan

8. Ibarat burung, mata lepas badan terkurung

- Tidak ada kemerdekaan

9. Ibarat burung; mulut manis jangan dipakai

- Perkataan manis selalu berisi semu (= tipu,khianat) di dalamnya

10. Kuat burung kerana sayap; kuat ikan kerana radai

- Merasa kuat (berkuasa) kerana ada kelebihannya; tiap-tiap orang sedikit sebanyak ada kuasanya

11. Laksana burung diam dalam sangkar

- Orang yang terikat hidupnya

12. Membadai burung atas langit, merendah diharap jangan

- Jangan mengharapkan sangat sesuatu yang susah diperoleh

13. Satu sangkar dua burung

- Dua orang perempuan yang menyukai seorang lelaki

14. Umpama burung di dalam sangkar, mata lepas badan terkurung

- Anak gadis dalam pingitan

15. Umpama burung, tumpang beramai dengan kawan yang banyak

- Orang dagang yang mencari hiburan di negeri asing

KATA CACING

Berikut adalah kata cacing dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai cacing gila

- Perempuan yang suka berpergian, bertandang dan sebagainya

cacing gila = cacing yang berputar-putar bila disentuh

2. Bagai cacing kena air panas

- Tidak senang, selalu gelisah (kerana susah, malu dan sebagainya)

3. Cacing hendak menjadi naga

- Orang kecil hendak menyama-nyamai orang besar-besar

4. Cacing menelan naga

- Anak orang bangsawan diperisteri oleh orang kebanyakan; orang yang berkuasa dapat dialahkan oleh orang yang lemah

5. Cacing menjadi ular naga

- Orang hina menjadi orang mulia

6. Seekor cacing menelan naga

- Orang yang berkuasa dapat dialahkan oleh orang yang lemah

7. Seperti cacing di perlimbahan

- Hina dan keji

8. Seperti cacing kepanasan

- lihat 2

KATA CICAK

Berikut adalah kata cicak dalam peribahasa Melayu;

1. Seperti cicak makan kapur (=kupu-kupu kecil yang terbang malam)

- Orang yang kecil

2. Seperti cicak makan kapur

- Beroleh malu dalam suatu majlis kerana kesalahan sendiri; bersenangan hati gembira

3. Seperti cicak kering

- Rupa orang di dalam sakit

KATA ELANG

Berikut adalah kata elang dalam peribahasa Melayu;

1. Cerdik elang, bingung sikikih; lamun murai terkecoh juga

- Biarpun cerdik atau bodoh orang besar-besar itu tetapi orang kecil-kecil juga yang selalu menanggung rugi

sikikih = sebangsa enggang, kecil sedikit

2. Elang terbang mengawan, agas hendak mengawan juga

- Orang miskin yang hendak meniru-niru perbuatan orang-orang kaya

3. Sepantun elang dengan ayam, lambat laun disambar juga

- Mudah menimbulkan sesuatu hal yang tak baik kalau diperdekatkan

4. Seperti elang menyongsong angin

- Kehebatan rupa seseorang.

KATA ENGGANG

Berikut adalah kata enggang dalam peribahasa Melayu;

1. Burung pipit sama enggang, mana boleh sama terbang

- Persahabatan atau perjodohan yang tidak sepadan tidak akan selamat; tiap-tiap orang mesti mencari golongannya sendiri

2. Enggang apa kepada enggang; orang apa kepada orang

- Memang mudah menyuruh berbuat begini begitu, tetapi yang sukar ialah yang mengerjakannya

3. Enggang lalu atal jatuh, anak raja (mati) ditimpanya

- Lain yang bersalah, lain yang menerima hukuman

atal = buah kayu makanan enggang

4. Enggang lalu ranting patah

- Sebab yang secara kebetulan meninggalkan akibatnya

5. Makanan enggang hendak dimakan oleh pipit

- Hendak menyama-nyamai kebiasaan orang yang mulia atau kaya

6. Mendengarkan cakap enggang

- Mendengarkan pujukan musuh

7. Pipit hendak menjadi enggang

- Ingin melakukan sesuatu yang melebihi kesanggupan

8. Pipit meminang anak enggang

- Orang hina (miskin) meminang anak orang mulia (kaya); sesuatu yang aneh

9. Selama enggang mengeram

- Lama sekali

10. Yang enggang sama enggang juga, yang pipit sama pipit juga

- Setiap orang selalu mencari orang yang sama darjat (pangkat atau kedudukan) dengannya

11. Cerdik elang, bingung sikikih; lamun murai terkecoh juga

- Biarpun cerdik atau bodoh orang besar-besar itu tetapi orang kecil-kecil juga yang selalu menanggung rugi

sikikih = sebangsa enggang, kecil sedikit

KATA GAGAK

Berikut adalah kata gagak dalam peribahasa Melayu;

1. Gagak bersuara murai

- Rupanya hodoh tetapi suaranya merdu dan baik budi bahasanya

2. Gagak dimandikan tujuh kali sehari pun tatkan putih bulunya

- Orang jahat, biarpun diberi kesenangan, namun kalau mendapat kesempatan akan diulangnya juga perbuatan jahatnya itu

3. Gagak lalu punggur rebah

- Orang besar yang berlaku kurang adil kepada orang kecil, kerana mahu memperlihatkan kekuasaannya

4. Ketika gagak putih, bangau hitam

- Kiasan pada zaman yang sudah silam

5. Menantikan putih gagak hitam, buntar-buntar daun lalang, luas-luas daun menunggai, sampai tumbuh damar cindapung

- Mengharapkan sesuatu yang tak mungkin

6. Selama air hilir, selama gagak hitam

- Tidak berubah-ubah, tetap selama-lamanya

7. Seperti burung gagak pulang ke benua

- Walaupun telah keluar negeri, tetapi tidak berubah, keadaanya sama saja

8. Seperti mendapat gagak putih

- Perolehan yang bertuah

KATA GAJAH

Berikut adalah kata gajah dalam peribahasa Melayu;

1. Bangkai gajah bolehkah ditutup dengan nyiru?

- Kejahatan yang besar tidak dapat disembunyikan

2. Dua ekor gajah berjuang, seekor kancil mati tersepit di tengah

- Orang kecil yang mencampuri pergaduhan antara orang besar-besar akhirnya ia sendiri yang binasa

3. Gajah berak besar, kancil (=pelanduk) pun hendak berak besar, akhirnya mati kebebangan

- Hendak meniru-niru perbuatan orang besar (kaya), akhirnya diri sendiri binasa

kebebangan = tertahan; tidak dapat terus keluar

4. Gajah bergajah, pelanduk mati tersepit

- Kalau raja-raja berselisih, rakyat mendapat susah

5. Gajah berhati, kuman pun berhati juga

- Kaya dan miskin sama-sama berfikiran dan bernafsu

6. Gajah berjuang sama gajah, pelanduk (=kancil) mati di tengah-tengah

- lihat 4

7. Gajah dialahkan oleh pelanduk

- Orang berkuasa dapat dialahkan oleh orang lemah; perempuan bangsawan yang diperisteri oleh orang kebanyakan

8. Gajah dipandang seperti kuman

- Terlalu marah

9. Gajah ditelan ular lidi

- lihat 7

10. Gajah empat kaki lagi tersaruk (=tersandung)

- Orang besar-besar itu ada waktunya akan kehilangan kebesarannya; nasib tidak dapat ditentukan

11. Gajah harimau di hutan hendak diburu, pijat-pijat di bantal tak dapat dihapuskan

- Kejahatan orang besar dan orang yang lebih kuat daripada kita hendak dibasmi, kejahatan anak buah sendiri tiada dapat di atasi

12. Gajah hendak berak besar, kita pun hendak berak besar juga

- lihat 3

13. Gajah lalu dibeli, kusa (= besi penghalau gajah) tidak terbeli

- Mengerjakan sesuatu yang besar, tetapi melupakan hal-hal yang kecil-kecil yang perlu untuk menyelesaikan yang besar itu

14. Gajah lalu kumpai layu

- lihat 3

kumpai = sebangsa rumput rawa

15. Gajah masuk kampung, kalau kayu (=pohon) tak tumbang, rumput layu juga

- Orang yang berkuasa dapat berbuat sekehendak hatinya dalam lingkungan orang lemah (orang kecil)

16. Gajah mati dicatuk katak

- lihat 7

17. Gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggal belang manusia mati meninggalkan nama

- Orang baik meninggalkan nama baik, orang jahat meninggalkan nama jahat

18. Gajah mati, tulang setimbun

- Orang kaya yang mati banyak hartanya

19. Gajah memamah aris, baik diikat kera kecil yang memakan buah-buah kayu

- Daripada mengharapkan sesuatu yang besar yang tak mungkin didapati, lebih baik terima saja yang sedikit yang sudah ada dalam tangan

aris= getah kayu yang sudah beku

20. Gajah pengangkut lada, kuda pelejang bukit

- Anak muda yang menjadi pesuruh orang, kerana puji-pujian

lejang = melompat serta berlari

21. Gajah rompong belalai

- Raja yang tiada berkuasa

22. Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah

- lihat 4

23. Gajah seekor gembala dua

- Sesuatu pekerjaan dikepalai oleh dua orang; dua orang lelaki mencintai seorang perempuan

24. Gajah terdorong kerana gadingnya, harimau terlompat kerana belangnya

- Berbuat sesuatu yang kurang baik oleh kerana kelebihannya

25. Gajah terum di tengah rumah

- Orang besar-besar bertamu ke rumah orang miskin, sehingga menyusahkan orang yang menerimanya itu

26. Hitam-hitam gajah, putih-putih udang kepai

- Yang hina tetap hina walaupun elok rupanya, yang mulia itu tetap mulia walaupun hodoh rupanya

udang kepai = udang kecil untuk dibuat belacan

27. Kalau gajah hendak dipandang gadingnya, kalau harimau hendaklah dipandang belangnya

- Hendak diusul periksa dengan saksama tentang sesuatu perkara itu sebelum dibuat kesimpulan

28. Kasihan gajah berusung

- Kasihan yang tidak pada tempatnya

29. Masuk di dalam kawan gajah berdering (=bunyi genta)

- Menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan

30. Memelihara gajah putih

- Menyusahkan diri dengan memelihara orang yang tiada mendatangkan faedah

31. Memimpin gajah tempang, mati dihempap dek tubuh

- Menolong orang besar-besar dalam kesusahan, akhirnya akan mencelakakan diri orang yang menolong

32. Menangiskan gajah berusung

- lihat 28

33. Sebesar-besar gajah di rimba, dapat juga ke tangan manusia

- Muslihat dapat mengalahkan kekuatan, kekayaan atau keilmuan

34. Sedangkan gajah yang besar dan berkaki empat lagi tersandung

- lihat 10

35. Seperti ditempuh gajah lalu

- Pekerjaan atau kejadian yang tak dapat disembunyikan

36. Seperti gajah berpaling

- Kepayahan orang yang gemuk berpusing ke belakang

37. Seperti gajah dengan sengkatanya (= pasung kaki atau tangan)

- Sesuatu hal yang menjadi gangguan

38. Seperti gajah masuk kampung

- Orang yang berkuasa dapat berbuat sekehendak hatinya terhadap orang yang lemah (orang kecil)

39. Seperti gajah putih ditambat

- Seseorang yang merugikan orang yang memeliharanya

40. Seperti gajah rompong belalai

- Raja yang kehilangan kuasanya

41. Tempang gajah berjalan, dek sepuntung duri di tapak kaki

- Bencana kecil yang didiamkan dapat menyebabkan kesusahan yang besar

42. Terdorong gajah kerana besarnya

- lihat 24

KATA GARUDA

Berikut adalah kata garuda dalam peribahasa Melayu:

1. Di waktu garuda alah oleh ular

- Kiasan kepada waktu yang telah lalu; zaman dahulu kala

2. Garuda diburu layang-layang yang dapat

- Barang yang diperoleh tidak seimbang dengan yang diinginkan

3. Pipit berperang dengan garuda

- Orang kecil berperang dengan orang besar

KATA HARIMAU

Berikut adalah kata harimau dalam peribahasa Melayu;

1. Anak harimau diajar makan daging

- Orang yang zalim diberi perangsang untuk membuat aniaya

2. Anak harimau jangan diajak bertampar, ingat-ingat kukunya

- Jangan mencari musuh dengan orang yang lebih kuat dan lebih persediaan alat senjata

3. Anak harimau jangan dibela pelihara

- Jangan berbuat baik dengan orang yang suka berbuat jahat

4. Anak harimau takkan menjadi anak kambing

- Orang yang berani takkan penakut

5. Bagai harimau beranak muda

- Orang perempuan yang terlalu bengis

6. Harimau bertempek tak(kan) makan orang

- Orang yang terlalu marah biasanya tak sampai memukul

7. Harimau ditakuti sebab giginya

- Orang besar-besar itu ditakuti kerana kekuasaannya

8. Harimau hendak menghilangkan jejaknya

- Orang jahat hendak menyembunyikan kejahatannya

9. Harimau mati kerana belangnya

- Mendapat kecelakaan kerana kelebihannya

10. Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan daging, manusia mati meninggalkan nama

- Orang baik meninggalkan nama baik, orang jahat meninggalkan nama jahat

11. Harimau memperlihatkan kukunya

- Orang yang memperlihatkan kekuasaannya

12. Harimau mengaum takkan menangkap

- lihat 6

13. Harimau menunjukkan belangnya

- lihat 11

14. Harimau menyorokkan kuku

- Orang yang menyembunyikan kelebihannya

15. Harimau puntung kena penjara, pelanduk kecil menolak mara

- Ada masanya kesusahan orang besar lagi berkuasa itu ditolong oleh orang yang lemah dan kecil

16. Harimau tidak merendahkan dirinya untuk menangkap cicak sebagai mangsanya

- Orang besar yang tidak mahu bertindak dengan tindakan-tindakan yang merendahkan tarafnya

17. Jangan diajar anak harimau makan daging

- Jangan digembirakan anak orang yang berkuasa berbuat zalim

18. Kalau Si Tua (harimau) menunjukkan belangnya, 'lah tentu kambing bertanggungan

- Orang yang lemah berhadapan dengan orang yang kuat tentu akan kalah akhirnya

-bertanggungan = menderita

19. Kecil-kecil anak harimau

- Meskipun kecil tetapi berani

20. Malau, kalau (=jikalau) anak harimau menjadi anak kambing

- Tidak patut anak orang baik-baik menjadi bodoh; atau anak orang berani menjadi penakut

21. Mengajar anak harimau

- Mengajar anak yang lekas pandai

22. Menggadangkan anak harimau

- Memelihara musuh yang kelak akan merugikan kita sendiri

- gedang(gadang) = besar

23. Seperti harimau kena kucing pekak

- Marah bercampur takut kerana bahaya yang menimpanya

kucing pekak = perangkap besi

24. Seperti harimau lepas tangkap

- Marah dan bengis

25. Seperti harimau menyembunyikan kukunya

- Orang yang menyembunyikan kelebihannya

26. Sudah masuk ke dalam mulut harimau

- Tiada dapat ditolong lagi

27. Takkan harimau makan anaknya

- Marah kepada anaknya tidak akan sampai membunuhnya

28. Terlepas daripada rahang harimau, termasuk ke dalam rahang buaya

- Perempuan yang bernasib malang, bercerai daripada suami hartawan yang hina dan kahwin dengan hamba yang miskin

KATA IKAN

Berikut adalah kata ikan dalam peribahasa Melayu;

1. Anak ikan d· makan ikan, tahu makan tahu simpan

- Jikalau tahu membuat sesuatu kerja, hendaklah tahu menyimpan rahsianya

2. Besar ikan hendaklah besar umpannya

- Tiap sesuatu hendaklah dipadankan dengan tarafnya

3. Dituba sajakah ikan, dijala dijaring bukankah ikan

- Tidak malu melakukan kejahatan

4. Hilang ikan dalam kerabu

- Kejahatan akan hilang jahatnya apabila tiap-tiap orang ikut mengerjakannya

5. Ikan biar dapat, serampang jangan pukah

- Maksud biar tercapai, kerugian jangan ada

serampang = tempuling; pukah = bengkok, patah

6. Ikan dalam keroncong

- Tiada tertolong lagi (tentang orang yang telah tertangkap)

keroncong = bilik-bilik sebelah dalam

7.Ikan di gulai sudah melompat

- Nasib yang malang

8. Ikan di hulu tuba di hilir

- Perbuatan yang sia-sia

9. Ikan di kuali habis melompat

- lihat 7

10. Ikan lagi di laut, lada garam sudah disengkalan

- Sudah bersiap sedia untuk mengecap hasil yang belum lagi diperoleh

sengkalan = pengisar rempah-rempah

11. Ikan pulang ke lubuk

- Telah kembali ke tempat asalnya

12. Ikan seekor rosakkan ikan setajau

- Kerana yang sedikit rosak yang banyak

tajau = tempayan besar dibuat daripada tanah berlapis sejenis porselin

13. Ikan sekambu rosak oleh ikan seekor

- lihat 12

kambu = bakul

14. Ikan tergantung kucing tunggu

- Mengharapkan untuk memperoleh barang yang diingini

15. Ikan terkilat (= terkilap) jala tiba

- Sangat cepat menangkap maksud perkataan orang; tindakan yang cepat

16. Ikan yang di dalam lautan yang besar-besar sekalipun termasuk juga ke dalam pukat

- Sepandai-pandai orang adakalanya salah juga

17. Ikannya belum dapat, airnya sudah keruh

- Perbuatan (tindakan) yang tidak bijaksana

18. Jangan disangkakan ikan lias-lias tiada menyengat

- Jangan dipermudah-mudahkan orang yang lemah, terkadang-kadang ia dapat menyusahkan orang kuat

ikan lias-lias = sebangsa ikan kecil

19. Kelebihan ikan radai kelebihan manusia akal

- Tiap-tiap sesuatu ada dengan kelebihannya masing-masing

radai = sirip

20. Kuat ikan kerana radai, kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit

- Merasa kuat (berkuasa) kerana ada kelebihannya; tiap-tiap orang sedikit sebanyak ada kuasanya

21. Menguap-guap bagai ikan kekeringan

- Sangat ketagih (minuman, candu, rokok dsb)

22. Seperti ikan kena tuba

- Sudah tidak berdaya lagi

23. Seperti ikan kena belat

- Berasak-asak

24. Seperti kemi lekat di ikan

- Pasangan kekasih (suami isteri) yang tak dapat dipisahkan

25. Terbang burung, berinsang ikan

- Tidak banyak memilih

26. Terkilat ikan dalam air (aku) sudah tahu jantan betina

- Sangat pandai dan awas dalam menangkap perkataan orang

27. Tersaukkan ikan suka; tersaukkan batang masam

- Ketika untung bersuka-ria, waktu rugi marah-marah

28. Tertangkap di ikan kalang

- Berlawan atau bersaingan dengan orang yang lebih berani (pandai, kaya dsb)

ikan kalang = keli atau ikan lele

29. Walau ikan diam di dalam tujuh lauatan sekalipun, termasuk ke dalam pukat juga

- Sepandai-pandai orang, adakalanya salah juga

KATA ITIK

Berikut adalah kata itik dalam peribahasa Melayu;

1. Ayam itik, raja pada tempatnya

- Tiap-tiap orang ahli dalam urusan masing-masing

2. Bagai itik pulang petang

- Berjalan lambat dan lamban (perempuan atau orang yang gemuk)

3. Itik berenang dalam air (=di laut) mati kehausan

- Menderita kesusahan meskipun banyak wang atau berpangkat tinggi

4. Itik bertaji

- Sangat penakut, tetapi sombong

5. Itik diajar berenang

- Membuat pekerjaan yang sia-sia

6. Itik dimandikan takkan basah

- Orang yang degil tidak akan mendengar nasihat atau ajaran

7. Itik mendapat air

- Memperoleh sesuatu yang sangat digemari

8. Itik tak sudu ayam tak patuk

- Tersisih daripada pergaulan kerana kemiskinan

9. Memandikan itik

- Pengetahuan yang baik tidak berguna kepada orang yang tidak menghendakinya

10. Menghinggut bagai itik pulang petang

- Berjalan beriring-iring; sangat lambat

11. Perkataan mengekor itik jantan

- Menyingkir dan menyombong diri

12. Seperti itik mendengar guntur

- Mengharapkan keuntungan yang belum tentu diperoleh

13. Sumbang mata memandang itik bertaji, ayam berkerat susuh

- Sangatlah ganjil memandang sesuatu perkara yang dilakukan tidak dengan sewajarnya

14. Tidak ada itik yang bertengger

- Pekerjaan-pekerjaan yang besar dan sukar tak akan dapat dilakukan oleh orang yang tidak berilmu

15. Tak usah itik diajar berenang

- Orang yang sudah tahu tak perlu diajar

KATA KAMBING

Berikut adalah kata kambing dalam peribahasa Melayu;

1. Anak kambing takkan menjadi anak harimau

- Orang yang pengecut tetap pengecut

2. Bagai kambing dalam biduk

- Sangat ketakutan

3. Bagai kambing dijunjung

- Jerit pekik orang yang penakut

4. Bagai kambing dihalau (=diseret) ke air

- Orang yang yang enggan mengerjakan sesuatu pekerjaan

5. Bagai kambing dimandikan pagi

- lihat 4

6. Bagai kambing harga dua kupang

- Tingkah lakunya seperti anak-anak

7. Bagai kambing lepas ke parak

- Memilih makanan dengan sesuka hati

parak = ladang, kebun

8. Bagai kambing menanduk bukit; tanduk patah bukit tak runtuh

- Pekerjaan yang sia-sia dan mendatangkan kerugian

9. Bagai menghitung bulu kambing

- Pekerjaan yang sia-sia

10. Kambing di parak panjang janggutnya, hati enggan banyak jawabnya

- Orang yang enggan bila disuruh, banyaklah helahnya dan dalih untuk melepaskan dirinya

11. Kambing menyusui anak harimau, besar dia dipatahkan tengkuknya

- Akibat yang akan diterima kalau menolong orang jahat dalam kesusahan

12. Membebek kambing lari ke hutan, menyalak anjing lari ke kota

- Dalam waktu huru-hara orang yang penakut berteriak lari, tetapi orang yang berani bertempek maju

13. Menggelinjang-gelinjang seperti kambing berulit

- Sebagai kanak-kanak tingkah lakunya

14. Menggerenyut-gerenyut bagai kambing berulit

- lihat 13

15. Menjadi kambing hitam

- Orang yang dipersalahkan

16. Seperti kambing dengan harimau

- Orang yang lemah melawan orang yang kuat; sangat takut

17. Seperti kambing dikuliti hidup-hidup

- Kesakitan yang amat sangat; dalam keadaan yang amat sukar

18. Umpama kambing kecil, merentak tak putus tali, berantuk tidak melembang bumi

- Orang yang tidak dihiraukan kerana tiada berasa apa-apa

KATA KASTURI

Berikut adalah kata kasturi dalam peribahasa Melayu;

1. Kasturi mati kerana baunya

- Mendapat kecelakaan kerana kelebihannya

2. Umpama kasturi, kerana baunya hilang nyawanya

- Mendapat kecelakaan kerana memperlihatkan keunggulannya

KATA KATAK

Berikut adalah kata katak dalam peribahasa Melayu;

1. Alim bagai katak di tepi air

- Orangnya alim (banyak ilmu) tetapi dia sendiri tidak mendapat faedah daripada ilmunya itu

2. Bagaimana hari takkan hujan katak betung dalam telaga berteriak selalu

- Selalu pergi bertamu ke rumah orang dengan tidak tentu saat ketikanya tentulah perbuatan itu mendatangkan syak wasangka pada orang banyak

3. Katak di bawah tempurung

- Sangat picik pengetahuannya

4. Katak ditimpa kemarau

- Berkeluh kesah dengan tidak keruan

5. Katak hendak menjadi lembu

- Hendak meniru-niru kelakuan (perbuatan) orang besar

6. Katak menggigit telunjuk melihatkan ular sudah menjadi belut

- Orang jahat yang sudah berubah jadi baik, namun orang masih curiga juga

7. Laksana katak diharung ular

- Lari bercempera dengan suara riuh rendah kerana ketakutan

8. Seperti katak di bawah tempurung

- Amat picik pejetahuannya

9. Seperti katak sedikit hujan banyak bermain

- Orang yang malas uzur sedikit dikatakan banyak

10. Takkan ada katak beranakkan ular

- Orang yang penakut takkan menjadi orang yang berani

11. Terkilap-kilap bagai katak disemburi

- Orang yang diam saja dalam sesuatu perbincangan

KATA KELKATU (KELKEKATU)

Berikut adalah kata kelkatu dalam peribahasa Melayu;

1. Kelkatu hendak terbang ke langit

- Menghendaki sesuatu yang mustahil

2. Seperti kelkatu masuk api

- Tiada peduli akan bahaya maut

KATA KELI

Berikut adalah kata keli dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai keli kena ketuk

- Bersungut-sungut dengan tiada tentu hujung pangkal

2. Keli dua seluhang

- Seorang perempuan yang mempunyai kekasih dua orang

KATA KELIP-KELIP

Berikut adalah kata kelip-kelip dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai kelip-kelip terbang malam

- Rahsia yang tiada dapat disembunyikan

2. Kelip-kelip terbang malam

- Hendak menyembunyikan rahsia yang tidak dapat ditutup

KATA KEPITING

Berikut adalah kata kepiting dalam peribahasa Melayu;

1. Macam kepiting jalan

- Orang yang berjalan miring

2. Sebagai kepiting batu

- Sangat berhati-hati mengeluarkan wang

3. Ketam (kepiting) menyuruh anaknya berjalan betul

- Orang yang memberi nasihat, tetapi dia sendiri tidak melakukan sebagai yang dinasihatkannya itu

4. Kuat ıkan kerana radai, kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit

- Merasa kuat (berkuasa) kerana ada kelebihannya; tiap-tiap orang sedikit sebanyak ada kuasanya

KATA KERA

Berikut adalah kata kera dalam peribahasa Melayu;

1. Anak diriba diletakkan, kera di hutan disusui

- - Urusan sendiri ditinggalkan kerana mementingkan urusan orang lain

2. Anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran

- lihat (1)

3. Anak kera hendak diajar memanjat

- Hendak mengajar orang yang sudah ahli

4. Bagai kera diberi kaca

- Mendapat sesuatu yang tak dapat dipergunakan

5. Kera dapat bunga

- lihat (4)

6. Kera (=monyet) kena belacan

- Sangat gelisah

7. Kera memanjat pohon, kura-kura pun hendak memanjat pula .

- Hendak meniru-niru membuat pekerjaan yang mustahil dapat dilakukan

8. Kera menegurkan tahinya

- Barang siapa yang berbuat salah, ialah yang mula-mula memperkatakan kesalahan itu

9. Kera menjadi monyet

- Tiada bezanya

10. Macam kera kelaparan

- Orang tua yang bibirnya selalu berkomat-kamit

11. Memberi barang kepada kera

- Mempercayai orang yang tiada patut dipercayai

12. Memberi bunga kepada kera (monyet)

- Memberikan sesuatu kepada orang yang tidak tahu menggunakannya

13. Sebagai kera dapat canggung

- Merapatkan dirinya kepada orang yang telah menolong

14. Seperti kera mendapat pisang

- Sangat gembira

15. Seperti kera sumbang

- Takut hendak bercampur dengan orang

KATA KERBAU

Berikut adalah kata kerbau dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai jelongak kerbau rampung

- Orang bodoh yang sombong, tiada sedar dirinya dibodohi orang

jelongak = selalu menengadah

rampung = rosak cuping hidungnya

2. Bagai kerbau runcing tanduk

- Orang yang sudah terkenal kejahatannya

3. Bagai kerbau terkejut gong

- Tercungap-cungap kehairanan

4. Bagai melulutkan jebat pada kerbau

- Pemberian yang tidak sesuai dengan tempat

5. Bermain-main dengan kerbau, dilontarnya muka dengan ekornya

- Berkawan dengan orang bodoh, tentu menanggung kerugian

6. Jangan buat kerbau tanduk panjang

- Jangan ikut campur dalam urusan orang lain

7. Jika kerbau dipegang orang talinya, jika manusia dipegang mulutnya

- Janji mesti ditepati

8. Kalau kerbau sekawan dapat dikaweli, manusia seorang tiada dapat dimaklumi

- Sangatlah sukar untuk menghadapi manusia kerana tiap-tiap orang berlainan pendapatnya

9. Kerbau berkandang emas berpura

- Harta benda harus disimpan baik-baik di tempat masing-masing supaya selamat

10. Emas berpeti, kerbau berkandang

- lihat (9)

11. Kerbau bertanduk rotan beronak

- Orang besar-besar kuat kerana kekuasaannya dan rakyat kuat kerana persatuannya

12. Kerbau (=lembu) diberi pelana kuda diberi berpasangan

- Melakukan sesuatu dengan tidak menurut keadaan yang sebenarnya

13. Kerbau dipegang talinya, manusia dipegang pada katanya

- Janji yang sudah diucapkan mestilah ditepati kerana harga manusia terletak pada janjinya

14. Kerbau jangan dimaling orang, ayam jangan dimusang

- Anak dan isteri hendaklah dijaga dengan baik-baik

15. Kerbau menanduk, kerbau pergi

- Siapa yang bersalah mesti dihukum setimpal dengan kesalahannya

16. Kerbau membulang tali

- Orang yang berbulak-balik fikirannya, atau yang tiada tetap hatinya

17. Kerbau punya susu sapi dapat nama

- Orang lain berbuat kebaikan (berlelah payah), orang lain pula yang mendapat pujian

18. Kerbau sakit sapi beroleh nama

- lihat (17)

19. Kerbau sekandang dapat digembalakan, manusia seorang tiada terjaga

- lihat(8)

20. Kerbau (=lembu) tanduk panjang, tiada menanduk pun dikata orang menanduk juga

- Orang sudah terkenal jahatnya

21. Laksana kerbau : di mana ada rumput hijau di sana menerkam

- Tidak mengendahkan bahaya, kerana melihat barang yang digemari

22. Langau di ekor kerbau, debu di atas tunggul

- Kedudukan atau pekerjaan yang tidak tetap

23. Mana kerbau yang bencikan kubangnya

- Orang yang biasa berbuat jahat tak dapat melupakan tempat ia bersukaria

24. Membeli kerbau di padang

- Membuat pekerjaan dalam keadaan terburu-buru tanpa usul periksa lebih dahulu

25. Mencongak (=mendongak) rupa kerbau jantan kemudian

- Lelaki yang berjalan dengan cemburu di belakang isterinya

mencongak = mengangkat kepala, mendongak

26. Menghambat kerbau melabuh

- Menegahkan sesuatu yang akan mendatangkan keuntungan atau kesenangan kepada diri sendiri

melabuh = beranak

27. Menolong orang (=kerbau) ditangkap harimau

- Menolong orang yang membuat kesalahan, akhirnya menyusahkan diri sendiri

28. Orang memegang kerbau pada talinya, memegang manusia pada katanya

- Manusia dihormati kerana kejujuran

29. Seekor kerbau berkubang, sekandang kena luluknya

- Seorang yang berbuat salah, semuanya terbawa-bawa

30. Seekor kerbau membawa lumpuh segala kerbau dikatakan membawa lumpur juga

- lihat (29)

31. Seekor kerbau membawa lumpuh, semuanya mercik merata-rata

- lihat (30)

32. Seekor kerbau membawa lumpuh semuanya terpalit

- lihat (31)

33. Seperti kerbau dicocok (diatur)hidung

- Orang bodoh yang selalu menurut kemahuan orang

34. Seperti kerbau menanduk anak, dengan kaparan tanduk, bukan dengan hujungnya

- Marah bapa kepada anaknya itu, tiada sampai membahayakan

35. Seperti kerbau tersepit leher; dihela tanduk sudah panjang, dilakukan badan sudah besar

- Terdorong melakukan sesuatu pekerjaan yang salah, tidak mungkin menarik diri lagi

36. Terambau kerbau kerana rumput muda

- Rosak anak muda kerana melihat perempuan muda yang elok

37. Tiada akan rintang kerbau oleh tanduknya

- Tidak akan terganggu seseorang yang cekap itu melakukan pekerjaannya

KATA KIJANG

Berikut adalah kata kijang dalam peribahasa Melayu;

1. Dapat kijang teruit

- Mendapat keuntungan dengan tidak bersusah payah.

2. Kijang jika ditambat dengan rantai emas sekalipun, bila terlepas ke hutan juga larinya

- Orang dagang, biar bagaimana senangnya di negeri asing, ingat juga ia akan negeri asalnya

3. Seperti kijang lepas ke rimba

- Pulang ke tempatnya; sukar dicari

KATA KODOK

Berikut adalah kata kodok dalam peribahasa Melayu;

1. Kodok dapat bunga sekuntum

- Beroleh sesuatu yang sia-sia kerana tidak dapat menggunakannya

2. Seperti kodok ditimpa kemarau

- Berkeluh kesah tak tentu sebab

KATA KUANG

Berikut adalah kata kuang dalam peribahasa Melayu;

1. Mati kuang kerana bunyi

- Mendapat bencana kerana perbuatannya atau kerana sesuatu yang menjadi kebanggaannya

2. Seperti kuang (=kuar) memekik di puncak gunung

- Orang yang sedang bercinta dengan kekasihnya; perempuan yang bercakap dengan suara yang kuat

3. Bagai kuau menggigal (=menyesar)

- Kehebatan rupa seseorang

KATA KUCING

Berikut adalah kata kucing dalam peribahasa Melayu;

1. Anak kucing menjadi harimau

- Orang miskin menjadi kaya atau rakyat biasa menjawat pangkat tinggi dalam pemerintahan

2. Kucing tidur di bantai

- Hidup senang dan mewah

bantai = daging binatang yang disembelih

3. Berbelok kucing main daun

- Kehebatan rupa seseorang

4. Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi

- Apabila orang yang ditakuti sudah tidak berkuasa lagi, maka orang-orang pun berleluasa melakukan sekehendak hati

5. Kucing lalu tikus tiada berdecit lagi

- Apabila ada orang yang ditakuti, maka diamlah orang yang sedang berbuat bising

6. Kucing melompat orang terkejut daripada tidurnya ayam berkokok hari pun siang

- Kesusahan atau kesukaan orang lain yang berkesan sampai kepada kita

7. Mengadu kucing dengan babi

- Bermain ceki dengan bertaruh wang

ceki = sejenis permainan judi Cina

8. Sebagai kucing di atas tembok

- Orang yang menjaga dua pekerjaan; orang yang cermat dalam gerak-gerinya

9. Seperti kucing beraknya rambut

- Terpusing-pusing tiada tentu arah

10. Seperti kucing biang

- Berkeluh kesah tak tentu sebab

11. Seperti kucing keguguran anak

- lihat (10)

12. Seperti kucing menyembunyikan kuku. terlihat panggang berubah laku

- Orang jahat yang berpura-pura baik sementara belum bertemu dengan barang yang disukai

13. Serta lalu kucing, tikus tidak berdecit lagi

- Apabila orang yang ditakuti datang, diamlah orang yang membuat bising

14. Tak akan aib kucing biang

- Orang yang sedang berahi akan perempuan hilang segan dan malunya

KATA KUDA

Berikut adalah kata kuda dalam peribahasa Melayu;

1. Anak kuda bulu kasap

- Anak muda yang riang gembira

bulu kasap = bulu yang tidak licin

2. Bak rasa kuda pula kukuran

- Orang miskin melakukan dirinya seperti orang kaya

3. Jadi bapa kuda

- Orang lelaki yang suka kahwin di sana sini dan bersenang-senang di rumah isterinya tanpa membuat sesuatu pekerjaan

4. Jadi kuda beban

- Orang suruhan

5. Kuda itu kuda juga, keldai itu keldai juga

- Tiap-tiap suatu itu akan kembali kepada asalnya

6. Kuda pelejang bukit

- Orang yang menjadi kaki tangan orang lain

7. Kuda tua; diperkerjakan tak boleh, nak dibunuh sayang

- Menghadapi sesuatu masalah yang sangat sulit; dalam keadaan yang serba salah

8. Kuda yang baik tak bercerai daripada pelananya

- Orang yang rajin sentiasa disuruh orang

9. Kuda yang pantas tiada berkehendakkan cemeti

- Orang rajin dan pandai berbuat pekerjaaan tak perlu diawasi

10. Seperti kuda kencing di papan

- Percakapan yang tiada tentu hujung pangkal

11. Seperti kuda lepas dari pingitan

- Sangat bergembira sebab bebas daripada kongkongan

KATA KUMAN

Berikut adalah kata kuman dalam peribahasa Melayu;

1. Habis kuman disembelih hendak memberi makan gajah

- Menyusahkan orang kecil kerana hendak menyenangkan orang besar-besar

2. Kuman menjadi barah (= pekung)

- Perkara kecil menjadi besar

3. Kuman di seberang tampak, gajah di pelupuk mata tiada tampak

- Kesalahan orang lain, biar pun kecil tampak; tetapi kesalahan sendiri tidak disedari

4. Matilah kuman kena pelantik, sekalian alam melimpah darahnya

- Orang biasa yang kahwin dengan orang bangsawan, sehingga menjadi buah percakapan di merata-rata tempat

pelantik = belantik, tombok yang berpegas untuk membunuh binatang perburuan

5. Mencungkil kuman dengan alu

- Pekerjaan yang sukar dan sia-sia

6. Seekor kuman di negeri China dapat dilihat, tetapi gajah bertenggek di batang hidung tiada sedar

- lihat (3)

KATA KUMBANG

Berikut adalah kata kumbang dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai kumbang putus tali

- Amat cepat; terlepas daripada sengsara

2. Kalau kumbang bukan seekor, kalau bunga bukan sekaki

- Lelaki ataupun perempuan bukan seorang di atas dunia ini

3. Kumbang terbang tak bersaing

- Terlalu cepat

4. Laksana kumbang menyeri bunga, kumbang pun terbang bunga pun layu

- Lelaki yang mempermain-mainkan perempuan, ia pergi perempuan itu merana

KATA KURA-KURA

Berikut adalah kata kura-kura dalam peribahasa Melayu;

1. Kura-kura di atas dahan

- Orang bodoh yang tidak dapat melepaskan dirinya daripada kesusahan

2. Kura-kura di dalam perahu, pura-pura tidak tahu

- Bertanya sesuatu yang sudah diketahui

3. Kura-kura di kaki ditinggalkan, burung terbang dikejar

- Kerana mengharapkan keuntungan yang besar tetapi belum tentu diperoleh, keuntungan yang kecil tetapi sudah pasti dilepaskan

4. Kura-kura di kaki ditinggalkan, penyu di pantai dikejar

- lihat (3)

5. Kura-kura (hendak) memanjat kayu

- Berbuat sesuatu yang mustahil

6. Kura-kura pandai kerabat kayu

- lihat (5)

7. Seperti kura-kura terlentang

- Orang sakit yang terbaring dengan tiada berdaya

8. Kura-kura kakinya tiada basah

- Mendapat keuntungan dengan tidak bersusah payah

KATA KUTU

Berikut adalah kata kutu dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai mencari kutu dalam ijuk

- Mengerjakan pekerjaan yang sia-sia

2. Di mana tempat kutu hendak makan kalau tidak di atas kepala

- Menghabiskan harta ibu bapa atau harta majikan

3. Ibarat kutu boleh diselisik

- Kesalahan atau keburukan tidak dapat disembunyikan

4. Kutu mati di atas kepala, tuma mati di tepi kain

- Biar mati di tempat yang mulia kerana membuat pekerjaan yang baik, daripada mati di tempat yang hina kerana melakukan pekerjaan jahat

5. Mencari kutu dalam ijuk

- Pekerjaan yang sukar dan sia-sia

6. Seperti kutu dalam ijuk

- Pandai memnyembunyikan diri

7. Sudah mati kutu

- Sudah tidak bertenaga lagi; tak dapat berbuat apa-apa lagi

KATA LABAH-LABAH

Berikut adalah kata labah-labah dalam peribahasa Melayu;

1. Akal labah-labah; di gua buruk suka merakut

- Orang jahat yang suka menipu orang

2. Berkelahi seperti labah-labah dalam gelas

- Perkelahian yang sangat hebat di tempat yang sangat sempit

3. Seperti labah-labah cinta (=kasih-sayang) kepada telurnya

- Kasih sayang yang tak dapat dipisahkan

KATA LALAT

Berikut adalah kata lalat dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai lalat cari puru

- Membuat sesuatu pekerjaan dengan cepat dan ghairah

2. Lalat langau mengerumuni bangkai

- Orang lelaki yang berhimpun di rumah perempuan jahat

3. Lalat memanglah mencari puru

- Lelaki yang jahat memang mencari perempuan jahat

4. Seperti lalat buta

- Terpusing-pusing tiada tentu arah

5. Tak ada lalat langau

- Tak ada orang

KATA LANDAK

Berikut adalah kata landak dalam peribahasa Melayu;

1. Seperti menendang landak

- Menganiaya orang kecil, yang kemudiannya merosakkan kita

2. Tengok-jenguk pandang-pandang, jangan sampai landak ditendang

- Jangan mudah menghina atau merendahkan orang kecil kerana ada waktunya ia akan melawan atau melebihi kita

KATA LANGAU

Berikut adalah kata langau dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai langau mengerumuni bangkai

- Orang ramai yang riuh rendah bunyinya

2. Diratapi langau hijau

- Anak dagang yang mati di rantau orang

3. Hinggap bak langau, titik bak hujan

- Hal yang terjadi dengan tiba-tiba (kemalangan dan sebagainya)

4. Lalat langau mengerumuni bangkai

- Orang lelaki yang berhimpun di rumah perempuan jahat

5. Langau di ekor kerbau, debu di atas tunggul

- Kedudukan atau pekerjaan yang tidak tetap

6. Masuk langau ke mulutnya

- Terhairan-hairan sehingga mulutnya ternganga

7. Sebagai langau di ekor gajah

- Selalu mengekor (menurut, mengikut-ngikut) orang yang berkuasa

8. Tak ada lalat langau

- Tak ada orang

KATA LEBAH

Berikut adalah kata lebah dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai lebah menghimpun madu

- Sangat rajin

2. Jangan dirempuh sarang lebah

- Bahaya jangan dicari-cari

3. Seperti lebah: mulut bawa madu, pantat bawa sengat

- Seorang perempuan yang elok parasnya dan manis tutur katanya tetapi kelakuannya jahat

KATA LEMBU

Berikut adalah kata lembu dalam peribahasa Melayu;

1. Laksana lembu dogol (= dungkul), tak boleh ditanduk hanya (=cuma) disondol

- Orang yang suka menggertak (mengancam) tetapi tidak berbahaya

2. Laksana lembu kasi; galak saja tiada melawan

- Orang yang besar tubuh tetapi penakut

3. Lembu dogol jangan dibalun

- Orang yang tiada melawan jangan diusik, nanti dia melawan bersungguh-sungguh

4. Menghela lembu dengan talinya, menghela manusia dengan akalnya

- Manusia harus diperlakukan dengan lemah-lembut

5. Umpama lembu dogol, tak boleh menanduk cuma menyondol

- Melawan (= bekerja) bersungguh-sungguh tanpa sesuatu syarat

KATA LINTAH

Berikut adalah kata lintah dalam peribahasa Melayu;

1. Lemah-lembut lintah, melekat payah lucut

- Orang yang lemah lembut lakunya, tetapi susah hendak melepaskan sesuatu yang telah diperolehnya

2. Seperti lintah menghisap darah

- Membungakan wang dengan bunga yang terlalu mahal; menipu dengan cara yang lemah-lembut

KATA LOTONG

Berikut adalah kata lotong dalam peribahasa Melayu;

1. Kerana lotong terlalu makan, tupai dijulai timpa perasaan

- Orang besar-besar bersuka ria, orang kecil-kecil yang gembira berlebih-lebihan

2. Seperti lotong meniti batang kayu

- Tidak menghiraukan keadaan di sekelilingnya

3. Lutung (=lotong) kekah rumput jarinya; kembung sengal kentut jadinya

- Kesudahan bagi orang yang mencari kehidupan itu ialah kesenangan

KATA MERAK

Berikut adalah kata merak dalam peribahasa Melayu;

1. Apa gunanya merak mengigal di hutan

- Tidak berfaedah orang menunjukkan kepandaian kepada orang-orang yang tidak dapat menghargainya

2. Seperti merak mengigal di hutan

- Menunjukkan pengetahuannya kepada orang-orang yang bodoh

KATA MONYET

Berikut adalah kata monyet dalam peribahasa Melayu;

1. Anak monyet di hutan disusui, anak sendiri di rumah kekeringan

- Urusan sendiri ditinggalkan kerana mementingkan urusan orang lain

2. Kera (=monyet) kena belacan

- Sangat gelisah

3. Kera menjadi monyet

- Tiada bezanya

KATA MURAI

Berikut adalah kata murai dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai murai dicabut ekor

- Perempuan yang suka bercakap banyak

2. Murai berkicau hari siang

- Sesuatu yang sudah terang dan nyata

3. Murai biasa berkicau

- Ahli dalam lapangannya

KATA MUSANG

Berikut adalah kata musang dalam peribahasa Melayu;

1. Musang berbulu ayam

- Orang jahat yang menyamar sebagai orang baik-baik

2. Musang jebat lari tinggal baunya

- Orang yang baik atau jahat itu, apabila pindah ke tempat lain, namanya akan disebut-sebut orang juga

3. Musang terjun, lantai terjungkat (=terjungkit)

- Tanda-tanda (bukti) tentang kejahatan yang telah diperbuat

KATA NAGA

Berikut adalah kata naga dalam peribahasa Melayu;

1. Cacing hendak menjadi naga

- Orang kecil hendak menyama-nyamai orang besar-besar

2. Cacing menelan naga

- Anak orang bangsawan diperisteri oleh orang kebanyakan; orang yang berkuasa dapat dialahkan oleh orang yang lemah

3. Cacing menjadi ular naga

- Orang hina menjadi orang mulia

4. Naga ditelan ular lidi

- Anak orang bangsawan kahwin dengan orang kebanyakan

KATA NAGUI (NANGOI)

Berikut adalah kata nagui (nangoi) dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai anak nangui

- Banyak sekali

2. Menggeriak bagai anak nangui

- lihat (1)

geriak = berkerumun banyak-banyak

KATA NYAMUK

Berikut adalah kata nyamuk dalam peribahasa Melayu;

1. Ditepuk nyamuk terbalik, ditindih lalat tak dapat bangkit

- Terlalu lemah

2. Menepuk nyamuk menjadi daki

- Tak akan mendapat nama baik kalau melawan orang yang lemah

3. Nyamuk terlepas pijat-pijat kena pirik

- Mendapat celaka kerana kesalahan orang lain

pirik= memipis, menumbuk lumat-lumat

4. Nyamuk mati, gatal tak lepas

- Menaruh dendam kepada orang yang berbuat jahat, meskipun yang jahat itu sudah dihukum

KATA PACAT

Berikut adalah kata pacat dalam peribahasa Melayu;

1. Pacat hendak menjadi ular

- Orang miskin berlaku seperti orang kaya; mengharapkan yang bukan-bukan

2. Seperti pacat kenyang

- Sehabis makan di rumah orang, lalu pergi

3. Seperti pacat melompat

- Membungakan wang dengan bunga yang mahal

KATA PELANDUK

Berikut adalah kata pelanduk dalam peribahasa Melayu;

1. Hilang pelanduk berganti kijang emas

- Perempuan bercerai daripada suaminya yang hina kemudian kahwin dengan seorang lelaki yang mulia

2. Pelanduk dicerang rimba

- Dalam ketakutan; sangat gelisah

3. Pelanduk di dalam cerang

- lihat 2

4. Pelanduk dua serupa

- Dua orang yang serupa benar

5. Pelanduk melupa jerat, tetapi jerat tidak melupakan pelanduk

- Bahaya yang senantiasa mengancam

6. Pelanduk yang dekat ditinggalkan, rusa yang jauh dikejar

- Kerana mengharapkan keuntungan yang besar tetapi belum tentu diperoleh, keuntungan yang kecil tetapi sudah pasti dilepaskan

7. Seperti pelanduk terlepas dari jerat

- Terlepas daripada sengsara; kecepatan sesuatu

KATA PENYU

Berikut adalah kata penyu dalam peribahasa Melayu;

1. Penyu bertelur beratus-ratus banyaknya, senyap; ayam bertelur sebutir saja hingar sekampung

- Keuntungan yang diperoleh orang kaya sedikit pun tidak menjadi sebutan orang, tetapi keuntungan yang diperoleh oleh orang miskin walaupun sedikit riuhlah orang memperkatakannya

2. Penyu bertelur beribu-ribu, seorang pun tak tahu; ayam bertelur sebiji, pecah khabar sekampung

- lihat 1

KATA PIJAT-PIJAT

Berikut adalah kata pijat-pijat yang terdapat dalam peribahasa Melayu;

1. Nyamuk terlepas pijat-pijat kena pirik

- Mendapat celaka kerana kesalahan orang lain

2. Marahkan pijat, kelambu dibakar, tidur terdedah

- Takutkan bahaya yang kecil, maka keuntungan yang banyak dibuang, akhirnya meranalah badan

3. Kerana pijat-pijat mati tuma

- Mendapat celaka kerana berkawan dengan orang jahat, atau kerana kesalahan orang lain

4. Pijat-pijat hendak menjadi kura-kura

- Orang kecil hendak menjadi orang besar

5. Pijat-pijat telah menjadi kura-kura

- Orang bodoh dan hina telah menjadi cerdik dan mulia

KATA PIPIT

Berikut adalah kata pipit dalam peribahasa Melayu;

1. Burung pipit sama enggang, maka boleh sama terbang

- Persahabatan atau perjodohan yang tidak sepadan tidak akan selamat; tiap-tiap orang mesti mencari golongannya sendiri barulah sempurna

2. Pipit berperang dengan garuda

- Orang kecil melawan orang besar-besar

3. Pipit bukan seekor, jagung bukan sebatang

- Menolak tuduhan tentang sesuatu kejahatan

4. Pipit hendak menjadi enggang

- Ingin melakukan sesuatu yang melebihi kesanggupan

5. Pipit meminang anak enggang

- Orang hina (miskin) meminang anak orang mulia (kaya); sesuatu yang aneh

6. Pipit itu. pipit jugalah lawannya

- Tiap-tiap sesuatu itu menurut tarafnya masing-masing

7. Pipit pekak makan berhujan

- Sangat rajin

8. Pipit tuli makan berhujan, tak ditahan (dihalau) padi habis, hendak (=bila) dihalau kain basah

- Serba salah jika berurusan dengan orang yang degil; jika dibiarkan jadi rosak; jika ditegur tiada diikuti; serba salah di dalam sesuatu pekerjaan yang sulit, dikerjakan berbahaya tak dikerjakan berbahaya

9. Pipit yang makan padi, merbah terbawa rendong

- Seorang mendapat kesenangan, orang lain menanggung akibatnya

10. Seperti pipit menelan jagung

- Hendak meniru orang besar-besar atau orang kaya-kaya akhirnya susah sendiri

11. Tak basah paruh pipit

- Air yang sangat sedikit

12. Yang pipit sama pipit, yang enggang sama enggang

- Setiap orang selalu mencari orang yang sama derajat (darjat, pangkat ataupun kedudukan) dengannya

KATA PUYUH

Berikut adalah kata puyuh dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai puyuh laga

- Percakapan yang tak pernah habis

2. Mati puyuh hendakkan ekor

- Ingin mendapat sesuatu yang tak mungkin tercapai

3. Sembunyi-sembunyi puyuh

- Berpura-pura tidak mahu tahu akan perkara-perkara yang benar-benar akan terjadi; mencuba menutup-nutup perbuatan jahat yang sudah diketahui orang

4. Seperti puyuh, mahu yang betina daripada yang jantan

- Suami yang mengharapkan pencarian isterinya

KATA RUSA

Berikut adalah kata rusa dalam peribahasa Melayu;

1. Pelanduk yang dekat ditinggalkan, rusa yang jauh dikejar

- Kerana mengharapkan keuntungan yang besar tetapi belum tentu diperoleh, keuntungan yang kecil tetapi sudah pasti dilepaskan

2. Mati rusa kerana jejak, mati kuau kerana bunyi

- Mendapat bencana kerana perbuatannya atau kerana sesuatu yang menjadi kemegahan

3. Mati rusa kerana tanduknya

- lihat 2

4. Rusa di hutan, kancah sudah direndang

- Sudah bersiap sedia untuk mengecap hasil yang belum lagi diperoleh

5. Seperti rusa kena tambat

- Tidak tetap duduknya

6. Seperti rusa masuk kampung

- Tercengang-cengang kehairanan

7. Takkan rintang rusa oleh tanduknya

- Tidak akan terganggu seseorang yang cekap itu melakukan pekerjaannya

KATA SEMUT

Berikut adalah kata semut dalam peribahasa Melayu;

1. Ada gula, ada semut

- Di tempat orang mudah mendapat rezeki, banyaklah orang berkumpul

2. Bagai semut penghimpun melukut

- Orang yang rajin bekerja

3. Mati semut kerana gula

- Mendapat bencana kerana perbuatannya atau kerana sesuatu yang menjadi kemegahannya

4. Semut dipijak tak mati, antan dilanda patah tiga

- Perjalanan seorang perempuan yang baik, tidak terlampau lambat dan tidak pula terlampau cepat tetapi kuat dan tetap

5. Semut dipijak tidak mati, gajah diarung bergelimpangan

- Orang yang kelihatannya lemah-lembut tetapi terlalu keras tutur bahasanya

6. Semut gatal nak gonggong gunung, bagaimana dunia takkan sunyi

- Sesuatu yang mustahil dilakukan

7. Semut mati digula

- Manusia tersemu dengan pujuk rayu

8. Semut terpijak tidak mati, alu tertarung patah tiga

- lihat 4

9. Umpama semut mempersembahkan paha belalang kepada raja

- Pemberian yang tidak ada ertinya

KATA SEPASIN

Berikut adalah kata sepasin dalam peribahasa Melayu;

1. Bersawah sepiring tidak, kan tempat sepasin bertanya

- Kemiskinan yang amat sangat

2. Bersurih bak sepasin, berjejak bak berkiki, berbau bak embacang

- Kejahatan yang telah cukup bukti dan keterangannya

3. Sepasin dapat bersiang

- Mendapat untung dengan tidak disengajakan

KATA SEPAT

Berikut adalah kata sepat dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai anak sepat ketohoran

- Berbaring dan bermalas-malas saja di rumah orang

2. Bodoh-bodoh sepat, tak makan pancing emas

- Biarpun bodoh, dapat juga memilih mana yang baik dan mana yang buruk

3. Tersendeng-sendeng bagai sepat di bawah mengkuang

- Orang kecil yang takut dan malu hendak mendekati orang besar dan mulia

KATA SEPATUNG

Berikut adalah kata sepatung dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai sepatung mandi

- Sebentar amat

2. Selama capung cebok

- Sebentar saja; suatu perbuatan yang lekas sekali selesainya.

3. Seperti sepatung menjilat air

- Datang dan kemudian pergi lagi

KATA SERIGALA

Berikut adalah kata serigala dalam peribahasa Melayu;

1. Serigala berbulu domba

- Orang jahat menyamar sebagai orang baik-baik

2. Serigala dengan buah anggur

- Mencela sesuatu yang tak dapat diperolehnya

KATA SIAMANG

Berikut adalah kata siamang dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai siamang kurang kayu

- Sangat susah hati kerana kekurangan barang-barang keperluan

2. Dirintang siamang berbuai

- Asyikkan sesuatu yang tiada gunanya

KATA SINGA

Berikut adalah kata singa dalam peribahasa Melayu;

1. Hendakkan singa di tengah padang lagi, daripada ular di dalam rumput

- Lebih baik berdepan dengan musuh besar di tempat terang daripada musuh kecil di dalam sulit

2. Lebih baik seekor singa di padang yang luas daripada seekor ular di dalam rumput

- Lebih baik musuh besar di dalam terang daripada musuh kecil di dalam sulit

KATA SIPUT

Berikut adalah kata siput dalam peribahasa Melayu;

1. Siput memuji buntut

- Suka memuji diri sendiri

2. Tak tahu akan siput empuk

- Orang yang terlalu bodoh

KATA TEKUKUR

Berikut adalah kata tekukur dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai tekukur mengikut kata

- Anak angkat yang dapat diperlakukan sesuka hati oleh ibu atau bapa angkatnya

2. Paksa tekukur padi rebah, paksa tikus lengkiang terbuka

- Mendapat keuntungan tanpa bersusah payah

KATA TIKUS

Berikut adalah kata tikus dalam peribahasa Melayu;

1. Paksa tekukur padi rebah, paksa tikus lengkiang terbuka

- Mendapat keuntungan tanpa bersusah payah

2. Awak tikus hendak menampar kepala kucing

- Melakukan sesuatu yang mustahil

3. Bagai tikus membaiki labu

- Hendak membetulkan barang yang tiada diketahui

4. Ditebuk (dikerbuk) tikus (tupai)

- Sudah hilang gadisnya

5. Marahkan tikus rengkiang dibakar

- Takutkan bahaya yang kecil, maka keuntungan yang banyak dibuang, akhirnya meranalah badan

6. Rumah terbakar tikus habis lari

- Apabila terjadi sesuatu kesusahan di dalam negeri, maka isi negeri itu pun mengungsi ke tempat lain

7. Seperti tikus jatuh ke beras

- Suka dan senang sekali

8. Seperti tikus masuk roman

- Kecewa kerana tidak tercapai maksudnya

9. Seperti tikus masuk kapur (tepung)

- Memakai bedak tanpa keruan

KATA TUMA

Berikut adalah kata tuma dalam peribahasa Melayu;

1. Kerana pijat-pijat mati tuma

- Mendapat celaka kerana berkawan dengan orang jahat, atau kerana kesalahan orang lain

2. Sembunyi-sembunyi tuma; kepala tersorok ekor kelihatan

- Berpura-pura mahu tahu akan perkara-perkara yang benar-benar akan terjadi; menutup-nutup perbuatan jahat yang sudah diketahui orang

3. Takutkan tuma dibuangkan kain

- Takutkan bahaya yang kecil, keuntungan yang besar dilepaskan

4. Mati ayam kerana tungaunya

- Bila tuannya mendapat celaka, anak buahnya ikut menderita

KATA TUPAI

Berikut adalah kata tupai dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai tupai bergelut

- Kehebatan rupa seseorang

2. Sepandai-pandai tupai melompat, sekali gawal (=terjatuh) juga

- Sepandai-pandai orang adakalanya salah juga

3. Tua-tua tupai tak tidur atas tanah

- Orang tua yang sentiasa riang gembira hidupnya

4. Ditebuk (=dikerbuk) tupai

- Sudah hilang gadisnya

KATA UDANG

Berikut adalah kata udang dalam peribahasa Melayu;

1. Ada udang (=berudang) di balik batu

- Ada sesuatu maksud yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan, perkataan dan sebagainya

2. Bagai udang bertahi di kepala

- Orang yang sentiasa berhutang

3. Banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam

- Tiap-tiap orang mempunyai pendapat (keberuntungan) sendiri-sendiri; makin banyak orang makin banyak pula pendapat dan kemahuannya

4. Mana udang, maka ketam direbus tak merah?

- Menipu dengan mengubah-ubahkan perangai, kelakuan atau rupanya

5. Menggeletik-geletik seperti udang dalam tangguk

- Sangat gelisah

6. Seperti udang direbus

- Orang yang bermuka merah

7. Udang hendak mengatai ikan

- Tak insaf akan kekurangan diri sendiri

8. Udang merentak dalam tangguk

- Tidak tenteram (gelisah, susah dan sebagainya)

9. Udang tak tahu dibongkokkan

- lihat 7

KATA ULAR

Berikut adalah kata ular dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai ular dengan legundi (=lenggundi)

- Sangat terpikat kepada kekasih

2. Biar ular mati, kayu jangan patah

- Maksud biar tercapai, kerugian jangan ada

3. Cengkeling bagai ular dipukul (=dipalu)

- Geliang-geliut kerana kesakitan

4. Cik puan melangkah ular tak lepas

- Gerak gerik perempuan yang lemah lembut

5. Di waktu garuda alah oleh ular

- Kiasan kepada waktu yang telah lalu; zaman dahulu kala

6. Jangan menggerak ular tidur

- Bahaya jangan dicari-cari

7. Jika kepalanya ular, takkan ekornya belut

- Yang jahat itu tetap jahat

8. Jikalau ular menyusur akar, tiada hilang bisanya

- Orang besar yang merendahkan diri tidak akan jatuh martabatnya

9. Kerosok ular di rumpun bambu

- Ancaman daripada orang yang pengecut

10. Macam ular kekenyangan

- Orang yang buncit perutnya sehingga berjalan pun sudah tidak betul

11. Melangkahi ular

- Melakukan sesuatu yang sangat berbahaya

12. Sama menjulur sama menjalar, lain belut lain ular

- Dua orang yang sama rupa dan perjalanannya tetapi budi pekertinya berlainan

13. Sekali dipatuk ular, tali pun ditakutkannya juga

- Orang yang telah pernah menderita kesusahan (kecelakaan) maka berhati-hatilah dalam semua gerak-gerinya

14. Sekerat ular, sekerat belut

- Tidak tentu pihak mana yang diikuti; orang munafik

15. Seperti ketiak ular

- Cakap yang tak berkeputusan

16. Kecek bagai ketiak ular

- lihat 15

17. Seperti memalu ular dalam benih, ular biar mati, benih jangan rosak

- Bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah

18. Seperti menangkap ular diekornya

- Mencuba mengalahkan musuh yang cerdik, akhirnya kitalah yang binasa

19. Seperti ular kena palu (=bedal, pukul)

- Menggeliang-geliut kerana terlalu marah

20. Sudah tampak kaki ular

- Tingkah laku seseorang yang jahat yang sudah mula diketahui

21. Ular bercampur dengan belut, tak akan hilang bisanya

- Orang yang jahat, jika bergaul dengan orang yang baik-baik tiada akan berubah tabiatnya

22. Ular berkepala dua

- Tidak tentu pihak mana yang diikuti; orang yang munafik

23. Ular berlingkar di gulungan tikar

- Orang jahat yang menyamarkan diri dalam kumpulan orang baik-baik

24. Ular biar mati, tanah jangan lekuk, buluh jangan pukah

- Menyelesaikan sesuatu perkara (=menghukum, memperdamaikan) hendaklah adil, sehingga kedua belah pihak merasa puas hati

25. Ular bukan, ikan pun bukan

- Tidak dapat ditentukan baik atau buruknya

26. Ular menyusur akar

- Orang besar yang merendahkan diri tidak akan jatuh martabatnya

27. Ular telan babi, cacing yang bengkak perut

- Iri hati melihat keuntungan orang lain

28. Lebih baik seekor singa di padang yang luas daripada seekor ular di dalam rumput

- Lebih baik musuh besar di dalam terang daripada musuh kecil di dalam sulit

KATA ULAT

Berikut adalah kata ulat dalam peribahasa Melayu;

1. Ulat dalam batu pun hidup juga

- Orang yang rajin berusaha tidak akan mati kelaparan

2. Ulat lupakan daun

- Lupa akan budi baik orang

3. Bagai melihat ulat

- Sangat benci

4. Bagai ulat nangka terhempas ke batu

- Tidak serik

5. Korek lubang ulat

- Sengaja mencari perselisihan

6. Menggeletik-geletik bagai ulat nangka

- Sangat gelisah

7. Menggorek lubang ulat

- Sengaja mencari sebab untuk bertengkar

8. Seperti ulat lupakan daun

- Melupakan kebaikan orang kepadanya

9. Terloncat-loncat bagai ulat pinang

- Sangat gelisah

KATA UMANG-UMANG

Berikut adalah kata umang-umang dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai umang-umang

- Orang yang suka berpakaian bagus tetapi bukan miliknya sendiri

2. Laksana binatang umang-umang di mana sarang udang di situ tempat menumpang

- Orang yang hidup bergantung kepada orang lain

3. Sarang unam dimasuki ketam, menjadi umang-umang

- Menyamarkan diri kerana sesuatu muslihat; orang yang suka menggunakan hak milik orang lain

KATA BULU

Berikut adalah kata bulu dalam peribahasa Melayu:

1. Anak ayam kebasahan bulu

- Gelisah resah; menjijikkan

2. Bagai menghitung bulu kambing

- Pekerjaan yang sia-sia

3. Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga

- Perselisihan sesama keluarga itu akhirnya akan berbaik kembali

4. Isi lemak dapat ke orang, tulang bulu pulang ke kita

- Kita yang berusaha, orang lain yang senang

5. Terlayang-layang bagai bulu sehelai

- Hidup melarat tanpa tempat perlindungan

KATA EKOR

Berikut adalah kata ekor dalam peribahasa Melayu;

1. Betul,betul ekor anjing; walaupun ada juga bengkoknya

- Orang yang biasa jahat itu, biarpun kelihatan baik, tetapi hatinya masih jahat

2. Ekor anjing berapa pun dilurut (akan dia) tiada juga betul

- Orang yang memang jahat itu tidak dapat diajar, sekali sekala

3. Habis minyak sepasu, ekor anjing diurut tiada akan lurus

- Tabiat seseorang yang jahat sangat sukar hendak diubah

4. Lurus-lurus ekor anjing, walau bagaimanapun ada juga bengkoknya

- Orang yang sudah biasa berbuat jahat itu sekali-sekali akan berbalik juga hatinya hendak berbuat jahat

5. Seperti hendak meluruskan ekor beruk

- Sangat sukar menasihati orang yang degil

6. Langau di ekor kerbau, debu di atas tunggul

- Kedudukan atau pekerjaan yang tidak tetap

7. Mulut bagai ekor ayam dihembus

- Tak berhenti-henti bercakap; tiada diam

8. Moncong bagai ekor ayam

- lihat 7

KATA GADING

Berikut adalah kata gading dalam peribahasa Melayu;

1. Gading pada gajah yang sudah keluar itu bolehkah dimasukkan pula?

- Raja-raja (orang besar-besar) yang telah turun derajatnya, tak mungkin mencapai kembali martabatnya itu; sesuatu yang sudah ditetapkan (undang undang, keputusan dan sebagainya) tiadalah dapat diubah lagi

2. Semahal-mahal gading, kalau patah tiada berharga

- Betapa pun tinggi kemuliaan seseorang itu kalau sekali telah berbuat jahat akan turunlah darjatnya, tak dipedulikan orang lagi

3. Seperti gading dilarik

- Rupa yang bersih dan licin

4. Tak ada gading yang tak retak

- Tak ada yang tak ada cacatnya

5. Telah dapat gading bertuah, terbuang tanduk kerbau mati

- Kerana sudah mendapat yang lebih baik, yang lama atau yang kurang baik dibuang

6. Telah mati yang bergading

- Telah meninggal orang yang berkuasa

KATA HIDUNG

Berikut adalah kata hidung dalam peribahasa Melayu;

1. Menguak-nguak bagai hidung gajah

- Bernafas terengah-rengah

2. Seperti kerbau dicocok hidung

- Orang bodoh yang selalu menurut kemahuan orang

KATA TANDUK

Berikut adalah kata tanduk dalam peribahasa Melayu;

1. Bagai tanduk bersendi gading

- Tidak sepadan

2. Bagai tanduk diberkas

- Sangat susah hendak menyatukan orang-orang yang berbagai-bagai fikirannya

3. Meruncing tanduk kerbau

- Memberi perangsang kepada seseorang yang memang jahat

4. Minta tanduk pada kuda

- Ingin kepada barang yang tak mungkin diperoleh

5. Sedepa tanduk yang datang sejengkal tanduk yang menanti; payah juga yang datang

- Kesukaran berdagang ke negeri asing

6. Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi

- Kerana sudah mendapat yang lebih baik, yang lama atau yang kurang baik dibuang

7. Tak (boleh) tanduk, telinga dipulas

- Asal dapat membalas dendam, apa saja dilakukan

8. Tanduk di kepala tak dapat digelengkan

- Tidak dapat menghindarkan diri daripada tugas kewajipan (pekerjaan) yang sudah ditentukan

9. Telur di hujung tanduk

- Dalam keadaan bahaya; serba sulit

LAMPIRAN 2

RINGKASAN PERMAKNAAN KONOTATIF

Akar		Kolokasi Akar	
:atif	Konotatif	Denotatii	Konotatif
	1. Musuh (1)	1. Kuat akar	1. Kelebihan seseorang (2) 2. Orang-orang besarnya (3a)
	2. Seseorang (2)	2. Akarnya	1. Orang-orang besarnya (3b)
	3. Yang kurang baik (4)	3. Akar lapuk	1. Orang yang tak kuasa (5)
	4. Orang (5)	4. Akar terjumbai	1. Keterangan (6)
Batang		Kolokasi Batang	
ıg	1. Negeri (1)	1. Batang Mati	1. Tempat tinggal (2)
	2. Pekerjaan (3, 8)	2. Batang terguling	1. Timbul perkara (5) 2. Pekerjaan yang mudah (8)
	3. Nasib orang (4) 4. Perkara (5)		
	5. Orang-orang besar (6)	3. Batang beralih	1. Orang-orang besar silih berganti (6)
	6. Sesuatu (7)		
	7. Pertolongan (9)	4. Batang terendam	1. Sesuatu perkara yang lama hilang (7)
	8. Orang yang kuat (11)		
	9. Kugi (12)	5. Batang bertindih	1. Banyak menerima pertolongan (9)
		6. Batang merdeka	1. Pekerjaan (10)

Benih	Kolokasi Benih	
1. Yang (1) 2. Baik (2) 3. Berbuat (3)	1. Benih yang baik 2. Benih baik	1. Yang baik (1) 1. Berbuat baik (3)

Buah	Kolokasi Buah	
1. Orang (1) 2. Sesuatu (2) 3. Perkataan (3) 4. Wanita (5) 5. Orang tua (6) 6. Kelakuan (7) 7. Anak sendiri (8)	1. Buah masak merah 2. Buah masak 3. Buah yang manis 4. Buah masak lum 5. Buahnya	1. Orang yang elok rupanya (1) 1. Sesuatu cita-cita (2) 2. Banyak kesenangan (4) 1. Perkataan yang manis-manis (3) 1. Orang tua yang sudah uzur (6) 1. Orang yang tiada berbudi pekerti (9a) 2. Yang tidak berguna (9b)

Bunga	Kolokasi Bunga	
1. Anak perempuan (1) 2. Hak seseorang (2, 12) 3. Sesuatu (3)	1. Bunga dipetik 2. Bunga dipersunting 3. Bunga kembang	1. Seseorang yang gemar akan hak seseorang (2) 1. Sesuatu yang dipakai (3) 2. Seseorang yang gemar akan hak seseorang (12) 1. Kecantikan dan keelokkan seorang perempuan (4) 2. Seseorang yang mulanya menurut kehendak kita (5)

	4. Seseorang perempuan (4)	4. Bunga gugur	1. Yang hidup akan mati (6)
	5. Seseorang (5)	5. Bunga layu	1. Orang perempuan tua (7, 23)
	6. Yang hidup (6)	6. Bunga tengah kembang	1. Kecantikan seorang gadis (8)
	7. Seorang gadis (8)	7. Bunga yang layu	1. Orang perempuan tua (10)
			2. Perawan tua (11)
	8. Yang (9)	8. Bunga kembang	1. Gadis (13)
	9. Perawan/gadis (11, 23)	9. Bau bunga	1. Selalu terkenang (16)
	10. Perempuan (14)	10. Bunga setangkai/ sekaki	1. Yang sedikit (19)
			2. Seorang (24)
	11. Sesuatu yang baik (15)	11. Bunga seceper	1. Yang banyak (19)
			2. Keluarga yang banyak (24)
	12. Lelaki atau perempuan (17)	12. Bunga sekaki	1. Yang lama dan kurang baik (25)
	13. Sesuatu pertolongan (18)		
	14. Perbuatan baik (20, 21a)		
	15. Tenaga (21b, 22)		
	16. Kasih sayang (26)		

	Dahan	Kolokasi Dahan	
1.	1. Orang (1) 2. Keterangan (2)	-	-

Daun		Kolokasi Daun	
1. Daun	1. Anak saudara (1, 2)	1. Daunnya	1. Orang yang tiada berbudi pekerti (4a) 2. Yang (4b)
	2. Kelakuan (perkataan) (3) 3. Hidup (5)	2. Daun kering	1. Hidup melarat (5)
Ranting		Kolokasi Ranting	
1. Ranting	1. Tempat tinggal (1) 2. Segala bahaya dan rintangan (2)	-	-
Kata Ruas		Kolokasi Kata Ruas	
1. Ruas	1. Keadaan yang sepadan (1a) 2. Pasangan yang secocok (1b) 3. Keadaan yang lemah (2) 4. Orang yang bertubuh besar (3) 5. Keadaan manusia yang jujur (4)		
Pucuk		Kolokasi Pucuk	
1. Pucuk	1. Lebih (1, 3) 2. Kawan baru (2) 3. Kaya (5) 4. Sama darjat (6) 5. Rakyat biasa (7)	1. Pucuk layu	1. Menderita (4)
	6. Yang kurang baik (8)		
Umbut		Kolokasi Umbut	
1. Umbut	1. Yang baik (1) 2. Yang sukar dan sia-sia (2)	-	-

Ara		Kolokasi Ara	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
Ara	1. Sesuatu (1, 3, 4)	1. Ara Hanyut	1. Tidak terus berjalan (2) 2. Sesuatu yang belum tentu (3)
		2. Ara tak bergetah	1. Sesuatu yang tidak mungkin (4)
		3. Kayu Ara	1. Orang besar (5) 2. Sesuatu (6) 3. Yang tak mungkin terbayar (7)
Asam		Kolokasi Asam	
